


LAPORAN **EKONOMI** SEKTOR KOPERASI **2021**



“EKONOMI
DOMESTIK PEMACU
GERAKAN KOPERASI”

LAPORAN **EKONOMI** SEKTOR KOPERASI **2021**



“EKONOMI
DOMESTIK PEMACU
GERAKAN KOPERASI”

ISSN 0128-1941



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-20834000

Faks: 03-20834100

E-Mel: webmaster@skm.gov.my

Terbitan Secara Tahunan



Dicetak oleh:

No.50 Jalan TP 7/2 Taman Perindustrian UEP,
47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel/Fax : 603-55231415

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi Eksekutif Ringkasan Eksekutif

BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2021

Ekonomi Malaysia 2021	10
Aktiviti Ekonomi Utama Sektor Koperasi	11
Pemulihan Ekonomi Koperasi	23

BAB 2

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Pengenalan	26
Aktiviti Perkhidmatan	26
Aktiviti Pembinaan	32
Aktiviti Pertanian	33

BAB 3

PRESTASI EKONOMI KOPERASI

Pendahuluan	36
Prestasi Ekonomi Koperasi	36
Nisbah Rakyat Berkoperasi (NRB)	36
Kumpulan Wang Anggota	36
Julat Aset Koperasi	38
Komposisi Aset Koperasi	39
Pendapatan Sektor Koperasi	40
Perbelanjaan Sektor Koperasi	40
ROA/ROE	41
Kesimpulan	42

BAB 4

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

Pengenalan	44
Rantaian Bekalan Dalam Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan	45
Aktiviti Perkhidmatan Kewangan	47
Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani	47
Pemeriksaan Koperasi Melalui Federasi Koperasi	48
Pendigitalan Koperasi	54
Tadbir Urus	56

BAB 5

DASAR DAN PROSPEK 2022

Pengenalan	60
Pemulihan Ekonomi Sektor Koperasi	60
Penutup	78



PERUTUSAN

PERUTUSAN Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia



السَّالَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t, laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2021 telah dapat diterbitkan. Laporan ini bertujuan untuk memberikan gambaran status semasa gerakan koperasi di Malaysia. Gerakan koperasi merupakan wadah yang sangat signifikan dalam mengemblengkan modal termasuklah modal sosial bagi membina kekuatan sosio-ekonomi anggota menerusi perkongsian kemakmuran. Laporan ini juga, turut mengimbu trend yang berlaku di sepanjang tahun pertama pelaksanaan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021 - 2025.

Tahun 2021 merupakan titik perubahan bagi pembangunan semula ekonomi negara setelah mengharungi tempoh kemelesetan yang ketara berpunca daripada pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Proses pemulihan ini

dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata antara sektor ekonomi, malah mungkin berdepan dengan cabaran yang memperlambatkan proses pemulihan tersebut. Sektor koperasi juga tidak terlepas daripada kesan pandemik ini.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberikan impak kitaran terhadap pertumbuhan, malah pada asasnya juga telah membentuk semula landskap ekonomi serta cara kita mengendalikan perniagaan dan urusan harian. Yang penting, pandemik ini telah mempertingkatkan tumpuan terhadap aspek kritikal dasar struktur yang memerlukan langkah-langkah pembaharuan dengan segera. Dari satu segi, pandemik telah mempercepat peralihan ke arah penerapan teknologi dan agenda kelestarian (*sustainability agenda*).

Kita belum lagi terlepas daripada kesan pandemik ini, tetapi saya berasa amat yakin bahawa dasar yang kukuh dan pelaksanaan Pelan TransKoM yang berkesan akan membolehkan Sektor Koperasi bangkit dengan lebih gagah daripada krisis kesihatan global ini dalam rangka mencapai aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Akhir sekali tahniah diucapkan kepada sidang pengarang yang telah menghasilkan Laporan ekonomi Sektor Koperasi 2021. Semoga penerbitan ini dapat dimanfaatkan untuk memajukan sosio ekonomi gerakan koperasi.



RUSLI BIN JAAFAR
PENGURUS EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepelbagaian strategi dan inisiatif pemulihan khususnya pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada tahun 2021 telah menunjukkan pertumbuhan yang positif pada kadar 3.1% berbanding penguncupan 5.5% pada tahun 2020. Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dengan nilai keseluruhan pakej berjumlah RM150 bilion bagi memulih semula sektor ekonomi.

Kerajaan menyediakan peruntukan dana berjumlah RM20 juta bagi pelaksanaan Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi Belanjawan 2022 memberi sokongan berterusan kepada sektor koperasi bagi melaksanakan Program Transformasi Gerakan Koperasi (TRANSFER) melalui peruntukan berjumlah RM10 juta bagi memulihkan aktiviti koperasi yang terjejas dan RM30 juta bagi Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi. Agenda transformasi

dan pemeraksanaan koperasi melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan pelan tindakan jangka sederhana dan panjang melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025.

Pewujudan federasi koperasi terus diperkasa bagi menggalakkan koperasi untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan yang berskala lebih besar dan menyumbang kepada ekonomi negara. Pembangunan Dasar Koperasi Malaysia (DKM) 2030 ini merupakan kesinambungan pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dan juga merupakan teras kepada pelaksanaan TransKoM 2021-2025 dalam merealisasikan pencapaian matlamat Dasar Keusahawanan Nasional 2030 serta menyumbang kepada aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan matlamat RMKe-12.



BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2021

Ekonomi Malaysia 2021 ◀
Aktiviti Ekonomi Utama Sektor Koperasi ◀
Pemulihan Ekonomi Koperasi ◀

BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI

EKONOMI MALAYSIA 2021

Ekonomi global telah menunjukkan pemulihan pada tahun 2021 di mana pertumbuhan ekonomi dunia telah meningkat sebanyak 5.7% berbanding penguncupan sebanyak 3.3% pada tahun 2020. Peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) adalah didorong oleh pemulihan berterusan kesan daripada pandemik yang telah melanda dunia pada tahun 2020. Pemulihan KDNK ini juga diunjurkan akan berterusan bagi tahun 2022 dan 2023 seperti yang telah diunjurkan oleh Bank Dunia seperti berikut:

KDNK (% setahun)	2020	2021	Unjuran (Penerbitan Jun 2022)		Perbezaan daripada Jan 2022	
			2022	2023	2022	2023
Dunia	-3.3	5.7	2.9	3.0	-1.2	-0.2
Negara Maju	-4.6	5.1	2.6	2.2	-1.2	-0.1
Amerika Syarikat	-3.4	5.7	2.5	2.4	-1.2	-0.2
Pasaran Baru Muncul & Ekonomi Membangun	-1.6	6.6	3.4	4.2	-1.2	-0.2
• China	2.2	8.1	4.3	5.2	-0.8	-0.1
• Malaysia	-5.5	3.1	5.5	4.5	-0.3	0.0
• Indonesia	-2.1	3.7	5.1	5.3	-0.1	0.2
• Thailand	-6.2	1.6	2.9	4.3	-1.0	0.0
• Vietnam	2.9	2.6	5.8	6.5	0.3	0.0

Sumber : World Bank Global Economic Prospects, Jun 2022

Ekonomi Malaysia kembali menunjukkan pemulihan pada tahun 2021 dengan peningkatan 3.1% berbanding penyusutan sebanyak 5.5% pada tahun sebelumnya. Pemulihan ini berikutan

pelaksanaan pelbagai inisiatif dan tindakan pantas yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk memulihkan ekonomi seperti yang ditunjukkan di bawah:

% Setahun	2019				2020				2021			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
KDNK	4.7	4.9	4.5	3.6	0.7	-17.1	-2.5	-3.3	-0.5	15.9	-4.5	3.6
	4.4				-5.5				3.1			

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, JPM

Pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun 2021 adalah disebabkan oleh sokongan dasar kerajaan yang konsisten, terutama melalui inisiatif serta pelbagai pakej rangsangan pada tahun 2020 seperti berikut:

- PRIHATIN (27 Mac 2020) bernilai RM250 bilion;
- PRIHATIN TAMBAHAN (6 April 2020) bernilai RM10 bilion;
- PENJANA (5 Jun 2020) bernilai RM35 bilion; dan
- KITA PRIHATIN (23 September 2020) bernilai 10 bilion.

Melangkah ke fasa peralihan endemik, tindakan kerajaan membenarkan pembukaan semula sempadan antarabangsa juga telah meningkatkan ketibaan pelancong dan seterusnya menambahkan aktiviti perdagangan dan perniagaan. Selain

itu, kebenaran pengeluaran khas daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bayaran Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) juga telah membantu merencanakan penggunaan swasta dan terus membantu pemulihan ekonomi negara.

Sepanjang tahun 2021, ekonomi Malaysia mencatatkan peningkatan yang ketara. Ringgit dan rizab antarabangsa masih sedia kukuh disumbang oleh peningkatan harga minyak dunia. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) adalah berjumlah AS\$116.9 bilion pada 31 Disember 2021. Nilai rizab ini mampu untuk membiayai 7.7 bulan import tertanggung dan 1.2 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Semua aktiviti ekonomi turut meningkat berbanding tahun sebelumnya, terutamanya aktiviti pembinaan, perkhidmatan dan pertanian. Aktiviti pembinaan telah meningkat sebanyak 13.9% berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti perkhidmatan

dan pertanian juga telah meningkat masing-masing sebanyak 7.0% dan 4.7%. Secara keseluruhan peningkatan KDNK bagi tahun 2021 menunjukkan perubahan sebanyak 8.6% hingga 9.6% berbanding tahun sebelumnya.

PENDUDUK (Juta)	2019 ⁹		2020 ¹⁰		2021 ¹¹	
	32.4		32.7		33.1	
PENGELUAR DALAM NEGERI	RM juta	Perubahan (%)	RM juta	Perubahan (%)	RM juta	Perubahan (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (Harga Malar 2015)	1,421,454	4.3	1,357,731	-4.5	1,450,830	6.5 - 7.5
Pertanian	101,549	2.0	100,344	-1.2	105,086	4.7
Perlombongan dan Pengkuarian	101,438	-2.0	93,568	-7.8	97,404	4.1
Pembuatan	316,320	3.8	306,845	-3.0	328,215	7.0
Pembinaan	66,266	0.1	53,859	-18.7	61,340	13.9
Perkhidmatan	820,069	6.1	789,379	-3.7	844,554	7.0
Duit Import	15,812	-1.2	13,736	-13.1	14,231	3.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (Harga Semasa)	1,510,693	4.4	1,439,374	-4.7	1,568,104	8.6 - 9.6

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

AKTIVITI EKONOMI UTAMA SEKTOR KOPERASI SEJAJAR AKTIVITI EKONOMI NASIONAL

Bagi tujuan pelaporan dalam Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2021, enam (6) aktiviti ekonomi utama koperasi berdasarkan Dasar Koperasi Negara 2011 - 2020 akan diklasifikasikan kepada tiga aktiviti iaitu perkhidmatan, pertanian dan pembinaan supaya selaras dengan aktiviti ekonomi nasional seperti berikut:

AKTIVITI EKONOMI UTAMA KOPERASI (DKN2011-2020)	AKTIVITI EKONOMI NASIONAL
Aktiviti Perkhidmatan Kewangan	Aktiviti Perkhidmatan
Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan	
Aktiviti Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan	
Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani	Aktiviti Pertanian
Aktiviti Perladangan	
Aktiviti Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan	Aktiviti Pembinaan


Pada tahun 2021, jumlah pendapatan sektor koperasi adalah sebanyak RM9.90 bilion berbanding RM1.57 trilion bagi pendapatan negara. Aktiviti perkhidmatan koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM8.34 bilion.

Pendapatan ini disumbangkan oleh tiga sub-aktiviti iaitu perkhidmatan kewangan (RM7.10 bilion), pemborongan dan peruncitan (RM1.10 bilion), serta pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan (RM0.14 bilion). Bagi sub-aktiviti perkhidmatan kewangan, penyumbang pendapatan tertinggi adalah daripada pendapatan pembiayaan peribadi kepada anggota.

Aktiviti pertanian koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM1.48 bilion. Pendapatan ini disumbangkan oleh dua aktiviti pertanian iaitu industri asas tani (RM0.70 bilion) serta perladangan (RM0.78 bilion).

Aktiviti pembinaan pula melibatkan pembangunan hartanah dan industri pembinaan yang mana aktiviti ini memperoleh pendapatan sebanyak RM0.08 bilion pada tahun 2021.


PENDAPATAN KOPERASI 2021




Pemerkasaan ekonomi sektor koperasi dipertingkatkan lagi melalui penubuhan federasi koperasi. Tujuan penubuhan federasi koperasi ini juga adalah untuk membentuk rangkaian dan memperkukuh daya saing koperasi iaitu menggalakkan koperasi-koperasi asas menyertai federasi mengikut aktiviti


ekonomi sektor koperasi. Federasi koperasi ini akan menerajui pelbagai aktiviti ekonomi berdasarkan konsep payung yang seterusnya membina kekuatan gerakan koperasi dalam mendepani suasana ekonomi semasa.

PENDAPATAN KOPERASI MENGIKUT NEGERI






PENDAPATAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN



KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
IBU PEJABAT	3	6,119,933,063.00	6,119.93
LEMBAH PANTAI	1	5,708,550,000.00	5,708.55
SUBANG	1	113,847,063.00	113.85
TITIWANGSA	1	297,536,000.00	297.54



KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
JOHOR	1,456	233,874,892.55	233.87
AYER HITAM	25	1,861,407.28	1.86
BAKRI	39	2,203,609.46	2.20
BATU PAHAT	87	21,044,176.00	21.04
ISKANDAR PUTERI	90	1,273,006.72	1.27

JOHOR BAHRU	101	6,412,050.94	6.41
KLUANG	98	31,469,397.67	31.47
KOTA TINGGI	92	24,231,460.62	24.23
KULAI	56	1,267,182.75	1.27
LABIS	24	332,669.83	0.33
LEDANG	43	3,522,694.38	3.52
MERSING	66	14,512,155.55	14.51
MUAR	55	6,951,088.17	6.95
PAGOH	55	2,987,959.86	2.99
PARIT SULONG	35	687,508.17	0.69
PASIR GUDANG	81	1,634,764.85	1.63
PENGERANG	53	36,676,229.06	36.68
PONTIAN	52	18,252,517.54	18.25
PULAI	74	1,866,245.22	1.87
SEGAMAT	69	1,663,485.86	1.66
SEKIJANG	13	996,310.63	1.00
SEMBRONG	41	34,277,836.46	34.28
SIMPANG RENGGAM	35	711,292.58	0.71
SRI GADING	31	534,730.35	0.53
TANJUNG PIAI	28	312,240.78	0.31
TEBRAU	70	10,459,040.33	10.46
TENGGARA	43	7,733,831.49	7.73



KEDAH

 KAWASAN PARLIMEN	 JUMLAH KOPERASI	 JUMLAH PENDAPATAN (RM)	 JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
KEDAH	947	120,546,721.27	120.55
ALOR STAR	134	24,226,268.73	24.23
BALING	70	14,204,346.14	14.20
JERAI	51	681,113.79	0.68
JERLUN	17	616,326.26	0.62
KUALA KEDAH	63	2,007,217.02	2.01
KUBANG PASU	89	3,756,275.83	3.76
KULIM-BANDAR BAHRU	76	36,716,645.09	36.72


LANGKAWI	67	22,719,434.37	22.72
MERBOK	61	1,690,815.87	1.69
PADANG SERAI	21	1,406,448.00	1.41
PADANG TERAP	50	3,092,955.37	3.09
PENDANG	51	1,913,880.39	1.91
POKOK SENGA	50	1,442,975.18	1.44
SIK	49	3,546,570.78	3.55
SUNGAI PETANI	98	2,525,448.45	2.53




 KAWASAN PARLIMEN	 JUMLAH KOPERASI	 JUMLAH PENDAPATAN (RM)	 JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
KELANTAN	939	78,300,436.80	78.30
BACHOK	50	971,160.23	0.97
GUA MUSANG	58	1,397,742.25	1.40
JELI	29	379,294.61	0.38
KETEREH	60	1,944,719.56	1.94
KOTA BHARU	223	37,163,383.92	37.16
KUALA KRAI	42	1,139,639.89	1.14
KUBANG KERIAN	89	1,548,426.98	1.55
MACHANG	62	1,254,121.56	1.25
PASIR MAS	69	1,203,439.71	1.20
PASIR PUTEH	56	494,116.18	0.49
PENGKALAN CHEPA	68	3,378,761.35	3.38
RANTAU PANJANG	21	7,797,988.57	7.80
TANAH MERAH	48	18,410,369.22	18.41
TUMPAT	64	1,217,272.77	1.22



KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
MELAKA	448	30,852,178.13	30.85
ALOR GAJAH	47	1,035,315.31	1.04
HANG TUAH JAYA	99	3,799,150.78	3.80
JASIN	129	5,485,827.04	5.49
KOTA MELAKA	75	6,155,511.59	6.16
MASJID TANAH	56	6,741,802.24	6.74
TANGGA BATU	42	7,634,571.17	7.63




KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
NEGERI SEMBILAN	766	63,562,993.43	63.56
JELEBU	54	36,102,059.46	36.10
JEMPOL	112	4,095,218.50	4.10
KUALA PILAH	83	582,033.41	0.58
PORT DICKSON	67	1,462,287.98	1.46
RASAH	115	8,006,408.32	8.01
REMBAU	132	5,593,612.08	5.59
SEREMBAN	134	5,732,054.15	5.73
TAMPIN	69	1,989,319.53	1.99



PAHANG

KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
PAHANG	1,180	490,294,024.46	490.29
BENTONG	78	1,089,852.96	1.09
BERA	67	21,463,960.76	21.46
CAMERON HIGHLAND	30	36,296,934.93	36.30
INDERA MAHKOTA	87	1,328,765.82	1.33
JERANTUT	117	11,676,775.36	11.68
KUALA KRAU	62	9,914,375.42	9.91
KUANTAN	113	313,800,361.50	313.80
LIPIS	77	4,186,465.07	4.19
MARAN	60	593,830.06	0.59
PAYA BESAR	82	4,936,688.06	4.94
PEKAN	98	9,814,075.31	9.81
RAUB	87	3,842,341.51	3.84
ROMPIN	98	68,549,132.26	68.55
TEMERLOH	124	2,800,465.44	2.80



PERAK


KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
PERAK	1,650	186,405,580.27	186.41
BAGAN DATOK	61	16,858,567.08	16.86
BAGAN SERAI	44	326,712.61	0.33
BATU GAJAH	50	849,005.72	0.85
BERUAS	44	15,630,741.71	15.63
BUKIT GANTANG	61	311,858.38	0.31
GERIK	55	1,029,764.03	1.03

GOPENG	88	4,861,033.37	4.86
IPOH BARAT	101	24,166,593.81	24.17
IPOH TIMOR	68	5,250,956.76	5.25
KAMPAR	31	3,200,144.87	3.20
KUALA KANGSAR	77	13,344,565.62	13.34
LARUT	54	12,293,906.86	12.29
LENGGONG	40	728,310.28	0.73
LUMUT	97	8,742,507.20	8.74
PADANG RENGAS	23	117,706.31	0.12
PARIT	78	315,148.30	0.32
PARIT BUNTAR	42	1,481,234.01	1.48
PASIR SALAK	67	31,548,975.42	31.55
SUNGAI SIPUT	57	254,724.28	0.25
TAIPING	161	9,154,250.91	9.15
TAMBUN	113	20,004,859.37	20.00
TANJONG MALIM	81	2,419,242.50	2.42
TAPAH	62	4,808,462.13	4.81
TELOK INTAN	94	8,706,308.74	8.71



PERLIS

 KAWASAN PARLIMEN	 JUMLAH KOPERASI	 JUMLAH PENDAPATAN (RM)	 JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
PERLIS	231	12,640,509.29	12.64
ARAU	65	6,532,629.15	6.53
KANGAR	102	3,640,127.67	3.64
PADANG BESAR	64	2,467,752.47	2.47



PULAU PINANG

KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
PULAU PINANG	776	123,779,845.26	123.78
BAGAN	47	4,695,266.78	4.70
BALIK PULAU	99	57,324,060.33	57.32
BATU KAWAN	21	371,117.90	0.37
BAYAN BARU	61	4,800,983.26	4.80
BUKIT BENDERA	23	737,940.80	0.74
BUKIT GELUGOR	31	2,347,886.07	2.35
BUKIT MERTA JAM	89	37,022,878.49	37.02
JELUTONG	56	566,122.15	0.57
KEPALA BATAS	96	3,323,596.81	3.32
NIBONG TEBAL	71	1,216,116.17	1.22
PERMATANG PAUH	56	872,153.77	0.87
TANJONG	55	9,594,166.98	9.59
TASEK GELUGOR	71	907,555.75	0.91



SABAH

KAWASAN PARLIMEN	JUMLAH KOPERASI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
SABAH	1,652	115,426,432.06	115.43
BATU SAPI	13	39,045.87	0.04
BEAUFORT	57	378,333.09	0.38
BELURAN	41	758,462.74	0.76
KALABAKAN	39	575,514.76	0.58
KENINGAU	120	13,542,045.31	13.54
KIMANIS	35	432,334.53	0.43
KINABATANGAN	59	1,813,451.42	1.81

KOTA BELUD	98	1,889,996.92	1.89
KOTA KINABALU	193	23,926,447.48	23.93
KOTA MARUDU	75	1,000,668.60	1.00
KUDAT	62	417,046.37	0.42
LABUAN(WP)	40	1,134,271.11	1.13
LAHAD DATU	76	6,029,685.03	6.03
LIBARAN	33	4,728,682.98	4.73
PAPAR	40	430,369.71	0.43
PENAMPANG	60	348,623.02	0.35
PENSIANGAN	67	644,091.59	0.64
PUTATAN	51	2,115,202.09	2.12
RANAU	60	1,193,931.54	1.19
SANDAKAN	78	6,749,893.67	6.75
SEMPORNA	64	102,389.33	0.10
SEPANGGAR	66	1,654,622.78	1.65
SIPITANG	32	202,203.81	0.20
TAWAU	95	36,880,370.95	36.88
TENOM	25	6,460,757.48	6.46
TUARAN	73	1,977,989.88	1.98



SARAWAK



KAWASAN PARLIMEN



JUMLAH KOPERASI



JUMLAH PENDAPATAN (RM)




JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)

SARAWAK	1,109	142,973,018.49	142.97
BANDAR KUCHING	62	22,718,151.05	22.72
BARAM	53	13,237,142.78	13.24
BATANG LUPAR	26	862,541.95	0.86
BATANG SADONG	14	183,622.44	0.18
BETONG	29	1,131,565.22	1.13
BINTULU	74	10,223,856.90	10.22
HULU RAJANG	23	339,879.12	0.34
IGAN	24	402,239.52	0.40
JULAU	14	303,234.82	0.30
KANOWIT	13	317,554.27	0.32



SELANGOR

 KAWASAN PARLIMEN	 JUMLAH KOPERASI	 JUMLAH PENDAPATAN (RM)	 JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
SELANGOR	1,799	157,593,120.76	157.59
AMPANG	89	25,778,323.25	25.78
BANGI	53	25,623,986.26	25.62
DAMANSARA	46	4,086,268.26	4.09
GOMBAK	140	1,610,948.42	1.61
HULU LANGAT	171	43,704,044.54	43.70
HULU SELANGOR	66	10,983,157.80	10.98
KAPAR	34	917,712.05	0.92
KLANG	111	5,066,242.81	5.07
KOTA RAJA	19	447,296.39	0.45
KUALA LANGAT	94	769,115.89	0.77
KUALA SELANGOR	96	853,522.11	0.85
PANDAN	14	237,371.31	0.24
PETALING JAYA	101	3,399,494.83	3.40
PUCHONG	115	1,635,162.24	1.64
SABAK BERNAM	39	235,446.39	0.24
SELAYANG	64	991,432.07	0.99
SEPANG	68	3,756,079.81	3.76
SHAH ALAM	286	24,368,365.17	24.37
SUBANG	83	882,816.42	0.88
SUNGAI BESAR	52	1,472,192.15	1.47
SUNGAI BULOH	2	230,489.72	0.23
TANJUNG KARANG	56	406,300.47	0.41



TERENGGANU

 KAWASAN PARLIMEN	 JUMLAH KOPERASI	 JUMLAH PENDAPATAN (RM)	 JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
TERENGGANU	774	208,556,639.59	208.56
BESUT	114	9,789,720.89	9.79
DUNGUN	82	22,236,551.99	22.24
HULU TERENGGANU	68	36,217,001.27	36.22
KEMAMAN	97	50,881,228.99	50.88
KUALA NERUS	105	9,031,835.90	9.03
KUALA TERENGGANU	186	45,942,370.19	45.94
MARANG	74	12,714,698.90	12.71
SETIU	48	21,743,231.46	21.74



WILAYAH PERSEKUTUAN

 KAWASAN PARLIMEN	 JUMLAH KOPERASI	 JUMLAH PENDAPATAN (RM)	 JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)
WILAYAH PERSEKUTUAN	1,104	1,816,238,399.32	1,816.24
BANDAR TUN RAZAK	24	286,336.76	0.29
BATU	27	326,172,269.58	326.17
BUKIT BINTANG	43	99,215,827.82	99.22
CHERAS	54	1,437,383.01	1.44
KEPONG	642	165,099,051.15	165.10
LEMBAH PANTAI	57	30,072,315.07	30.07
PUTRAJAYA(WP)	48	1,039,370.53	1.04
SEGAMBUT	17	46,199,769.11	46.20
SEPUTEH	15	176,191,955.88	176.19
SETIAWANGSA	25	82,657,745.32	82.66
TITIWANGSA	115	865,675,589.03	865.68
WANGSA MAJU	37	22,190,786.06	22.19

PEMULIHAN EKONOMI KOPERASI

Pada tahun 2021, sektor koperasi menerima peruntukan di bawah Pakej PEMULIH iaitu Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi. Pakej ini merupakan salah satu langkah intervensi segera bagi memulihkan semula aktiviti ekonomi koperasi yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Sebanyak empat (4) program telah dirangka seperti berikut:

- (i) Koperasi Prihatin Rakyat (KPR)
Program penggalakan penubuhan koperasi baharu bagi membolehkan usahawan yang terjejas atau golongan yang hilang punca pendapatan menjalankan aktiviti ekonomi secara berkumpulan melalui koperasi.
- (ii) Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR)
Program bagi menggalakkan orang ramai untuk berbelanja dan membeli barangan keperluan harian di kedai koperasi yang menawarkan harga lebih murah berbanding pasaran tempatan.

- (iii) Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER)
Program pemulihan ekonomi koperasi yang terjejas melalui penerokaan peluang dan perubahan kepada perniagaan atau aktiviti ekonomi yang baharu.
- (iv) Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT)
Program promosi, pemasaran dan jualan produk/perkhidmatan koperasi melalui pelbagai platform/medium dalam talian bagi meningkatkan aksesibiliti dan jualan produk/perkhidmatan koperasi.

Inisiatif ini telah berjaya membantu 355 koperasi seluruh Malaysia dengan keutamaan kepada koperasi yang masih beroperasi untuk memberi perkhidmatan kepada anggota dan orang ramai walaupun pendapatan terjejas akibat pandemik COVID-19. Koperasi yang dianggotai oleh golongan rentan seperti wanita, ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU), belia, kariah masjid, golongan B40 yang lain adalah antara penerima manfaat program ini.



BAB 2 **AKTIVITI EKONOMI** **KOPERASI**

- Pengenalan ◀
- Aktiviti Perkhidmatan ◀
- Aktiviti Pembinaan ◀
- Aktiviti Pertanian ◀

BAB 2

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

PENGENALAN

Sejak kewujudan gerakan koperasi di negara ini yang bermula pada tahun 1922, ekonomi negara turut berkembang melalui sumbangan daripada aktiviti ekonomi koperasi. Malahan ketika fasa Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) koperasi merupakan entiti perniagaan yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat di bandar dan luar bandar. Selepas 100 tahun kewujudan gerakan koperasi di Malaysia, meskipun belum mencapai tahap signifikan dalam ekonomi domestik, kewujudan gerakan koperasi telah diiktiraf sebagai sektor ekonomi ketiga negara, yang bersama-sama memberi sumbangan dalam sosioekonomi anggota.

Melihat kejayaan koperasi di luar negara yang jauh lebih ke hadapan dan lebih lama wujud, contohnya koperasi di negara Perancis yang telah wujud lebih 200 tahun, dan 40% aktiviti peruncitan dikuasai olehnya. Di Perancis aktiviti peruncitan menjana perolehan sebanyak 40.3 bilion dan setiap seorang daripada tiga orang rakyat merupakan anggota koperasi. Demikian juga di Jepun, ekosistem pertanian dan industri asas tani menjadi kuat kerana 945 koperasi pertanian bergabung di bawah Federation of Agricultural Cooperative Associations (ZEN-NOH). Ekosistem ini telah menghasilkan sebanyak 4.96 trilion yen perolehan dengan rangkaian bisnes di 10 buah negara.

Di Malaysia, konteks berkoperasi agak berbeza dengan negara-negara lain meskipun masih mengguna pakai prinsip yang sama sebagaimana yang diperakui oleh ICA (Tujuh Prinsip Koperasi). Matlamat utama gerakan koperasi di Malaysia adalah untuk kesejahteraan anggota. Sejak sepuluh tahun terakhir ini melalui Dasar Koperasi Negara 2011-2020, hala tuju berkoperasi di Malaysia difokuskan kepada konsep keusahawanan. Lantaran itu, sumbangan KDNK koperasi masih terlalu kecil untuk dibandingkan dengan sektor swasta. Walaupun demikian, konsep berkoperasi telah dimanfaatkan oleh tujuh juta rakyat Malaysia dan usaha bagi meningkatkan keyakinan masyarakat berkoperasi masih diteruskan dan sebagai vehicle pembangunan sosioekonomi.

AKTIVITI PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Kewangan

Industri perkhidmatan kewangan Malaysia telah berkembang maju sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini menjadi sumber asas kepada sektor

swasta dalam memperoleh dana untuk menjalankan aktiviti perniagaan, lantas memacu pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan.

Gerakan koperasi di Malaysia bermula pada tahun 1920-an untuk mengatasi masalah kemiskinan penduduk di bandar dan luar bandar. Koperasi yang mula diperkenalkan di Malaysia adalah koperasi kredit iaitu Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat Dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad, bertujuan untuk mengatasi masalah keberhutangan dalam kalangan penjawat awam di bandar. Koperasi kredit desa yang mula-mula diperkenalkan ialah Syarikat Bekerjasama-sama Kerana Meminjamkan Wang Kampung Tebuk Haji Musa Mukim Titi Serong, Krian Dengan Tanggungan Berhad, bertujuan untuk menyelesaikan masalah kewangan para petani di luar bandar yang ditindas oleh orang tengah di bawah sistem padi kunca.

Kekuatan gerakan koperasi adalah dalam aktiviti perkhidmatan kewangan. Pada akhir tahun 2021, terdapat 14,834 koperasi berdaftar di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, dua (2) co-opbank, 545 koperasi yang menjalankan aktiviti kredit dan 100 buah koperasi menjalankan aktiviti A-Rahnu telah menyumbangkan sebanyak RM32.00 bilion (84%) kepada perolehan gerakan koperasi yang berjumlah RM37.89 bilion.



Aktiviti perkhidmatan kewangan koperasi ini mempunyai aset sebanyak RM146.83 bilion (94.7%) daripada jumlah aset RM154.98 bilion dan pendapatan koperasi berjumlah RM9.42 bilion daripada jumlah pendapatan RM13.21 bilion. Bilangan anggota pula ialah 3.02 juta (42.65%) daripada jumlah keanggotaan seramai 7.08 juta orang dalam gerakan koperasi.

Pembiayaan yang dikeluarkan oleh gerakan koperasi dalam aktiviti kewangan adalah sebanyak RM24.69 bilion. Koperasi yang menjalankan aktiviti kredit terbahagi kepada koperasi kredit komuniti dan koperasi kredit terbuka.

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) merupakan koperasi perkhidmatan kewangan terbesar yang menyumbang kepada pendapatan berjumlah RM6.00 bilion pada tahun 2021 dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan berjumlah RM19.54 bilion. Keanggotaan Bank Rakyat adalah berjumlah 827,067 dengan jumlah syer berjumlah RM2.99 bilion. Aktiviti utama Bank Rakyat adalah perbankan koperasi yang berasaskan prinsip syariah dengan menerima deposit dan menyediakan perkhidmatan kewangan bagi keperluan runcit dan komersial termasuk pembiayaan peribadi, pembiayaan korporat dan Ar-Rahnu. Bank Rakyat merupakan bank koperasi Islam terbesar di Malaysia dengan aset berjumlah RM114.79 bilion.

Selain daripada Bank Rakyat, Koperasi Co-opbank Pertama

Malaysia Berhad (Co-opbank Pertama) juga merupakan salah satu koperasi perbankan. Keanggotaan Co-opbank Pertama adalah terdiri daripada keanggotaan iaitu individu (92,149-RM608.31 juta) dan koperasi (808-RM346.37 juta). Pada tahun 2021, Co-opbank Pertama mencatatkan pendapatan berjumlah RM297.54 juta dengan pembiayaan yang dikeluarkan berjumlah RM1.43 bilion. Co-opbank Pertama menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan patuh syariah dan mempunyai 29 buah cawangan di seluruh negara dengan jumlah aset sebanyak RM6.0 bilion. Co-opbank Pertama berperanan sebagai sebuah institusi kewangan yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan 100% syariah kepada pelanggan individu, koperasi dan korporat seperti produk pembiayaan, deposit, Ar-Rahnu dan lain-lain.

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Koperasi Tentera) juga merupakan koperasi yang menjalankan perkhidmatan kewangan. Koperasi ini dikategorikan sebagai koperasi kredit komuniti kerana keanggotaan Koperasi Tentera terbuka kepada seluruh anggota beruniform iaitu Angkatan Tentera



Malaysia (ATM) dan kakitangan awam yang berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan serta pesara ATM. Pada tahun 2021, keanggotaan Koperasi Tentera adalah seramai 157,164 orang dengan modal syer/yuran berjumlah RM1.85 bilion. Aktiviti utama Koperasi Tentera adalah pembiayaan peribadi, pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan Ar-Rahnu dengan jumlah aset pada tahun 2021 berjumlah RM3.17 bilion dan pendapatan berjumlah RM132.24 juta.

Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad juga merupakan koperasi yang menjalankan aktiviti kredit yang dikategorikan sebagai

koperasi terbuka. Ini kerana keanggotaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berkelayakan. Anggota Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad adalah berjumlah 40,049 orang dengan Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM163.11 juta. Pendapatan Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad daripada aktiviti ini adalah sebanyak RM12.59 juta dan telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM42.99 juta.

Berikut antara koperasi yang telah menyumbang secara signifikan terhadap pendapatan Aktiviti Perkhidmatan Kewangan pada tahun 2021:

BIL	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN	KUMPULAN WANG ANGGOTA	ASET	PEMBIAYAAN DIKELUARKAN
1	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD	6,002,060,000.00	13,913,372,805.58	114,794,878,000.00	19,543,855,838
2	KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD	297,536,000.00	940,420,000.00	6,065,403,000.00	1,431,369,050
3	KOPERASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BERHAD	132,239,862.00	2,118,349,142.00	3,167,800,190.00	434,601,071
4	KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD	63,336,360.00	617,075,419.00	1,077,987,370.00	375,170,226
5	KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD	31,550,466.00	173,059,092.00	657,260,654.00	90,966,525
6	KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD	21,759,020.00	57,560,718.00	287,471,063.00	64,185,694
7	KOPERASI KAKITANGAN FELDA MALAYSIA BERHAD	18,408,870.00	159,178,830.00	214,200,682.00	120,040,023
8	KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD	16,247,384.00	157,097,339.00	254,079,992.00	30,055,746
9	KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD	12,585,138.10	163,108,224.17	247,331,440.40	42,996,886
10	KOPERASI TELEKOM MALAYSIA BERHAD	9,809,942.00	161,540,129.00	331,336,738.00	24,640,471

Pemborongan dan Peruncitan

Aktiviti Pemborongan Dan Peruncitan di dalam gerakan koperasi di Malaysia telah bermula sejak tahun 1936 dan terus menyumbang secara signifikan kepada perolehan koperasi pada setiap tahun. Gerakan koperasi dilihat mampu menguasai sebahagian pasaran pemborongan dan peruncitan terutamanya sistem rantai nilai bekalan barangan keperluan secara pukal melalui ekosistemnya yang komprehensif dan bersepadu. Berdasarkan kepada jumlah keanggotaannya yang besar iaitu 1.3 juta orang, koperasi dilihat mempunyai peranannya untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. Tahun 2021 menunjukkan 3,236 buah koperasi

melaksanakan aktiviti pemborongan dan peruncitan telah didaftarkan dengan perolehan pendapatan sebanyak RM287.66 juta. Jumlah perolehan terkumpul koperasi menurun daripada jumlah RM534.8 juta atau 53.8% berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti pemborongan dan peruncitan juga tidak terlepas daripada menerima kesan langsung COVID-19 kerana bergantung kepada kehadiran dan permintaan daripada orang ramai. Namun begitu, ekonomi sendiri koperasi tidak tergugat meskipun negara berada di dalam fasa pandemik tahun lalu.

Antara aktiviti utama sektor pemborongan dan peruncitan yang dijalankan oleh koperasi adalah pasar raya/kedai runcit, Distribution Centre/Sub-DC dan produk COOP serta Program

Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam menyediakan peluang pekerjaan, pemilikan premis perniagaan dan peningkatan kesejahteraan sosial.

Kakitangan merupakan ejen penggerak dan pelaksana bagi memastikan dasar dan perancangan strategik koperasi dilaksanakan secara sistematik. Aktiviti ini berjaya mewujudkan peluang pekerjaan koperasi sebanyak 2,726.

Koperasi UNIKEB Berhad yang memenangi anugerah koperasi terbaik dalam kategori aktiviti pemborongan dan peruncitan bagi tahun 2021 telah mencatatkan keuntungan jualan sebanyak RM3.61 juta hasil daripada sumbangan beberapa cawangan kedai runcit UMART koperasi bagi tahun kewangan

yang berakhir pada 31 Disember 2021. Kejayaan ini dibantu oleh 74 orang kakitangan yang secara langsung memanfaatkan seramai 4,249 orang anggota.

Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad telah mencatatkan keuntungan jualan sebanyak RM4.23 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2021. Sumbangan perolehan pendapatan aktiviti pemborongan dan peruncitan daripada subsidiari bernilai RM17.7 juta bagi tempoh kewangan yang sama telah memberi manfaat kepada seramai 15,794 orang anggota.

Berikut adalah antara koperasi yang telah menyumbang secara signifikan terhadap pendapatan Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan pada tahun 2021:



BIL	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN	KUMPULAN WANG ANGGOTA	ASET
1	KOPERASI PENTERNAK BURUNG WALIT MALAYSIA BERHAD	34,995,908.20	1,222,499.95	4,424,346.19
2	KOPERASI MAKMUR MALAYSIA BERHAD	8,712,749.00	161,853,969.00	175,211,489.00
3	KOPERASI KELUARGA HJ ZABIR KELANTAN BERHAD	6,777,740.26	1,933,732.81	4,663,184.23
4	KOPERASI FELDA SUNGAI KOYAN III RAUB BERHAD	4,968,400.74	2,550,040.39	6,404,496.22
5	KOPERASI PESERTA FELDA SUNGAI KOYAN DUA BERHAD	4,966,392.91	4,172,999.34	6,820,897.52
6	KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD	4,829,062.00	16,411,100.00	86,727,126.00
7	KOPERASI PERSATUAN GURU AGAMA JOHOR BERHAD	4,713,286.63	993,994.30	2,830,286.73
8	KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD	4,231,685.00	288,225,925.00	398,230,034.00
9	KOPERASI UNIKEB BERHAD	3,611,045.00	26,336,011.00	78,541,155.00
10	KOPERASI SATU HAKAH PERLIS BERHAD	3,597,434.31	558,577.58	686,124.83

Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Industri pelancongan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan seperti penjagaan diri dan kesihatan merupakan aktiviti ekonomi yang boleh diceburi oleh koperasi. Ia membuka peluang perniagaan terutamanya kepada koperasi bersaiz kecil dan mikro yang sebahagian besarnya wujud di luar bandar. Tahun 2021 menunjukkan peningkatan yang ketara bagi aktiviti pelancongan dan kesihatan. Ini disebabkan oleh pembukaan semula aktiviti-aktiviti ekonomi termasuklah aktiviti pelancongan. Hal ini bertujuan untuk merancakkan lagi pendapatan kepada ekonomi selepas pandemik melanda seluruh dunia. Koperasi yang menjalankan aktiviti pelancongan tidak terkecuali untuk mengambil peluang bagi merancakkan perkembangan ekonomi pelancongan negara. Antara aktiviti yang dijalankan koperasi termasuk perkhidmatan bot pelancongan, perhotelan, pakej memancing, perkhidmatan inap desa (*homestay*) dan pelbagai pakej pelancongan bagi menarik masyarakat menyumbang kepada ekonomi koperasi. Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad telah

berjaya menjana pendapatan sebanyak RM697 ribu dalam aktiviti pelancongan ini. Aktiviti utama yang dijalankan oleh koperasi ini adalah perkhidmatan bot yang menjana pendapatan sebanyak RM583 ribu. Walaupun aset koperasi hanya berjumlah RM1.07 juta dan kumpulan wang anggota koperasi berjumlah RM397 ribu, namun koperasi mampu menjana pendapatan setanding dengan koperasi yang mempunyai nilai aset dan kumpulan wang anggota yang lebih besar. Melihat kepada potensi Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang terkenal, koperasi telah mengambil peluang sepenuhnya terhadap kelebihan yang ada untuk mewujudkan aktiviti perniagaan pelancongan bagi menjana pendapatan dan sekaligus meningkatkan taraf hidup komuniti setempat. Koperasi ini dapat dijadikan salah satu contoh koperasi komuniti yang berjaya memberi impak positif kepada anggota serta masyarakat di sekelilingnya.

Selain itu, Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad telah menjana pendapatan sebanyak RM549 ribu melalui aktiviti perhotelan. Pendapatan ini juga dilihat antara penyumbang terbesar bagi



industry pelancongan koperasi. Harga istimewa juga turut disediakan kepada anggota koperasi yang ingin menggunakan perkhidmatan perhotelan ini. Koperasi keluarga juga tidak terkecuali dalam menyumbang kepada industry pelancongan koperasi. Sebagai contoh, dengan hanya berbekalkan aset berjumlah RM57.35 ribu dan Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM49.32 ribu, Koperasi Keluarga Anuar Manjung Berhad berjaya menjana pendapatan berjumlah RM156.69 ribu melalui pakej memancing. Hal ini boleh membuka peluang kepada masyarakat untuk terus merancakkan ekonomi setempat.

Dalam bidang kesihatan pula, koperasi telah mengadakan perkhidmatan kesihatan melalui '*community-based health service*' kepada masyarakat setempat. Antara aktiviti dalam perkhidmatan kesihatan ini adalah mengadakan perkhidmatan jagaan warga emas dan orang kelainan upaya, perkhidmatan rawatan dan promosi serta pendidikan kesihatan. Antara koperasi yang terlibat dalam bidang kesihatan adalah Koperasi Doktor Malaysia Berhad dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad.

Berikut antara koperasi yang telah menyumbang secara signifikan terhadap pendapatan Aktiviti Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan pada tahun 2021:



BIL	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN	KUMPULAN WANG ANGGOTA	ASET
1	KOPERASI KOMUNITI KAMPUNG KILIM LANGKAWI BERHAD	697,838.14	397,365.10	1,071,022.48
2	KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD	549,573.00	71,932,873.00	86,056,156.00
3	KOPERASI SERBAGUNA PERTANIAN PERUSAHAAN KEMAJUAN BERHAD	261,868.00	19,932,256.00	49,046,941.00
4	KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH LANGKAWI BERHAD	156,763.15	5,272,736.59	9,236,158.73
5	KOPERASI KELUARGA ANUAR MANJUNG BERHAD	156,698.75	49,322.52	57,345.02
6	KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD	129,319.00	157,097,339.00	254,079,992.00
7	KOPERASI PELANCONGAN MUKIM BATU PUTEH KINABATANGAN BERHAD	110,439.70	284,857.21	3,331,783.38
8	KOPERASI KOMUNITI KEPULAUAN TUBA DAN SELAT BERHAD	96,255.80	32,615.30	345,572.36
9	KOPERASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH UTARA BERHAD	83,225.00	159,222.76	838,797.85
10	KOPERASI PELABURAN KAKITANGAN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD	57,556.00	46,435,978.00	111,699,329.00

AKTIVITI PEMBINAAN

Hartanah dan Industri Pembinaan

Aktiviti Hartanah dan Industri Pembinaan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada perolehan gerakan koperasi selepas Aktiviti Perkhidmatan Kewangan. Sebanyak 25% daripada jumlah koperasi di Malaysia terlibat dalam sektor ini dengan menyumbang perolehan sebanyak RM1.66 billion bagi tahun 2020 berbanding RM4.95 billion bagi tahun 2019 dan memperlihatkan penurunan sebanyak 66.46% daripada tahun sebelumnya. Sumbangan utama Aktiviti Hartanah dan Industri Pembinaan adalah melalui hasil daripada subaktiviti seperti pemilikan bangunan komersial dan kediaman, pelaburan hartanah, pemilikan dan pajakan tanah, industri pembinaan serta pembekalan bahan binaan.

Dalam kategori hartanah, sebanyak 23 buah koperasi terlibat dalam operasi pembangunan tanah dalam tahun 1977 dengan bilangan keahlian seramai 4,200 orang dan modal saham sebanyak RM3.55 juta. Koperasi-koperasi ini terlibat dalam pembukaan tanah untuk penanaman getah, kelapa sawit, kelapa, ubi kayu dan lain-lain.

Pada tahun 1977 juga, kerajaan telah memperkenalkan koperasi perumahan yang menyaksikan peningkatan dalam kategori ini dengan sebanyak 68 buah koperasi telah didaftarkan. Kejayaan yang dicapai dalam pelaksanaan projek-projek perumahan oleh koperasi perumahan adalah sangat menggalakkan sehingga sebanyak 4,478 unit rumah telah dibina pada tahun 1975 dan sebanyak 2,191 unit rumah dibina pada tahun 1976-1977. Kerjasama di antara koperasi perumahan dengan pihak agensi kerajaan dan swasta telah berjaya mendapatkan tanah bagi rancangan perumahan untuk rancangan sendiri atau untuk koperasi-koperasi lain. Selain itu, kerjasama ini telah memudahkan koperasi perumahan mendapatkan atau mengeluarkan bahan-bahan dan barangan keperluan untuk perumahan dengan harga yang lebih kompetitif berbanding harga di pasaran luar. Di antara taman-taman perumahan koperasi yang telah berjaya dibangunkan oleh gerakan koperasi seperti Taman Koperasi Polis, Taman Shamelin Perkasa, Taman Koperasi Perdana dan lain-lain.

Salah satu koperasi yang berjaya dalam Aktiviti Hartanah Dan Industri Pembinaan khususnya pembinaan perumahan adalah kejayaan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad yang

memberi sebuah rumah kepada setiap anggotanya secara percuma dan menjadi antara contoh koperasi yang berjaya meningkatkan taraf sosioekonomi anggotanya.

Berikut antara koperasi yang telah menyumbang secara signifikan terhadap pendapatan daripada Aktiviti Hartanah dan Industri Pembinaan pada tahun 2021:

BIL	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN	KUMPULAN WANG ANGGOTA	ASET
1	KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD	42,056,444.78	294,154,201.44	386,397,909.40
2	KOPERASI NLFCS BERHAD	19,090,805.00	433,665,153.00	975,894,369.00
3	KOPERASI KEMAJUAN TANAH NEGERI JOHOR BERHAD	7,358,494.90	160,234,782.67	180,500,600.00
4	KOPERASI PEKERJA JAYA BERHAD	4,083,350.00	10,216,877.00	23,402,325.00
5	KOPERASI KELUARGA DATO HAJI MAT REJAB ALOR SETAR BERHAD	1,272,150.00	163,377.07	920,965.92
6	KOPERASI WARGA PENDIDIKAN TERENGGANU BERHAD	1,024,079.91	92,149,442.63	136,941,624.39
7	KOPERASI PEGAWAI DAN KAKITANGAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU BERHAD	918,032.00	5,417,224.00	9,336,666.00
8	KOPERASI HARTA JOHOR BERHAD	874,136.86	3,760,297.54	6,587,275.11
9	KOPERASI LADANG BERHAD	837,323.00	73,742,055.00	112,953,517.00
10	KOPERASI KELUARGA TOK NOR MEKONG JUSOH MACHANG BERHAD	797,000.00	1,522,611.54	2,666,731.84

AKTIVITI PERTANIAN

Pertanian merupakan aktiviti ekonomi koperasi yang terawal wujud di negara ini. Pada tahun 1923, koperasi desa pertama telah ditubuhkan secara sepakat oleh sekumpulan petani bagi mengatasi masalah padi kunca di daerah Kerian, Perak. Peranan aktiviti pertanian sangat penting dalam memastikan ketersediaan sumber makanan negara dan memastikan kestabilan harga bekalan makanan. Melalui koperasi, anggota yang terlibat juga dapat menikmati manfaat dalam ekosistem yang ditubuhkan di bawah Pembangunan Tanah Rancangan, aktiviti pertanian melalui sektor koperasi telah memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar khususnya, dalam meningkatkan sosioekonomi rakyat.

Pada tahun 2021 sebanyak 3,329 koperasi terlibat dalam aktiviti pertanian dengan keanggotaan seramai 721,040 yang menyumbang sebanyak RM777 juta kumpulan wang anggota. Aktiviti pertanian telah menjana pendapatan berjumlah RM1.39

bilion melalui penggembelangan aset berjumlah RM3.99 bilion. Antara aktiviti dalam pertanian ini melibatkan perladangan, input pertanian, penternakan, perikanan dan akuakultur, tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Aktiviti pertanian koperasi juga mencakupi industri asas tani seperti pengeluaran produk berasaskan pertanian dan sewaan peralatan/jentera pertanian seperti penggunaan dron.



Koperasi perladangan yang terbesar di Malaysia, iaitu Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) merupakan penyumbang terbesar dalam menjana pendapatan daripada hasil pertanian iaitu berjumlah RM201.1 juta pada tahun 2021. KPF memiliki ladang kelapa sawit seluas 20,675 hektar dan sebuah kilang pemprosesan minyak sawit berkapasiti 60 tan. Ditubuhkan sejak 42 tahun yang lalu, KPF menyerlahkan hasrat murni FELDA memberi peluang secara adil kepada para peneroka dan warga kerja FELDA untuk turut serta memiliki ekuiti dalam syarikat-syarikat FELDA, yang secara langsung memperkasakan sosioekonomi anggota dalam kalangan warga FELDA. Kini KPF memiliki Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM2.4 billion yang dimiliki bersama oleh 256 ribu anggota.

Selain KPF, Koperasi NLFCS Berhad juga merupakan penyumbang terbesar dalam sektor pertanian koperasi. Pada tahun 2021, NLFCS Berhad telah menjana pendapatan berjumlah RM144.5 juta melalui aktiviti perladangan kelapa sawit dan juga kilang memproses kelapa sawit. Kemakmuran koperasi telah memberi manfaat kepada 49,682 anggota yang

terdiri daripada pekerja-pekerja ladang di seluruh negara. Koperasi telah berjaya menggembelngkan aset bernilai RM910 juta dan Kumpulan Wang Anggota berjumlah RM433 juta bagi memberikan manfaat dan berkongsi kemakmuran dengan 60,000 orang anggota.

Selain itu, antara penyumbang terbesar dalam aktiviti pertanian koperasi ialah Koperasi Serbausaha Makmur Berhad yang berjaya menjana pendapatan pertanian berjumlah RM81.6 juta pada tahun 2021, diikuti Koperasi Ladang Berhad dengan pendapatan sebanyak RM44.9 juta. Berikutnya, Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad yang menjana pendapatan sebanyak RM15.1 juta pada tahun 2021 menerusi aktiviti tanaman padi. Manakala Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad pula memperoleh pendapatan pertanian berjumlah RM14.9 juta.

Berikut adalah antara koperasi yang telah menyumbang secara signifikan terhadap pendapatan Aktiviti Pertanian pada tahun 2021:

BIL	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN	KUMPULAN WANG ANGGOTA	ASET
1	KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD	201,145,000.00	2,485,913,000.00	4,166,161,000.00
2	KOPERASI NLFCS BERHAD	144,495,998.00	433,665,153.00	975,894,369.00
3	KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD	81,656,472.00	589,932,500.00	910,285,945.00
4	KOPERASI LADANG BERHAD	44,924,470.00	73,742,055.00	112,953,517.00
5	KOPERASI PESERTA FELCRA PALOH BERHAD	27,798,820.31	3,524,301.29	9,020,761.23
6	KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD	15,181,281.10	23,155,505.78	48,357,359.69
7	KOPERASI PERLADANGAN KAWASAN BAGAN DATOH PERAK BERHAD	14,936,075.00	30,106,544.00	46,327,157.00
8	KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN DAERAH KENINGAU SABAH BERHAD	12,962,535.82	579,995.73	3,216,413.01
9	KOPERASI WARISAN PEGAWAI HUTAN MELAYU NEGERI PERAK BERHAD	12,112,254.46	22,133,101.44	34,941,971.31
10	KOPERASI PENANAM SAWIT MAMPAN BAKONG MARUDI BERHAD	10,820,385.81	186,071.48	466,215.25

BAB 3

PRESTASI EKONOMI KOPERASI

Pendahuluan	◀
Prestasi Ekonomi Koperasi	◀
Nisbah Rakyat Berkoperasi (NRB)	◀
Kumpulan Wang Anggota	◀
Julat Aset Koperasi	◀
Komposisi Aset Koperasi	◀
Pendapatan Sektor Koperasi	◀
Perbelanjaan Sektor Koperasi	◀
ROA/ROE	◀
Kesimpulan	◀

BAB 3

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

PENDAHULUAN

Bab ini melaporkan prestasi ekonomi koperasi bagi tahun 2021 dengan cabaran pandemik yang sedikit sebanyak turut menjejaskan pendapatan dan pertumbuhan aset. Perkembangan yang sedikit mendatar namun bersifat positif ini menunjukkan koperasi tetap terus berusaha untuk mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang ketiga terpenting dalam ekonomi negara.

PRESTASI EKONOMI KOPERASI

Cabaran ekonomi dalam fasa pandemik telah memberi kesan kepada semua sektor ekonomi dunia. Tidak terkecuali juga bagi gerakan koperasi di Malaysia yang menerima tempias dan ia dapat dilihat dari segi perolehan gerakan koperasi yang sedikit menguncup kepada RM37.89 bilion iaitu -8.58% berbanding RM41.45 bilion tahun sebelumnya. Namun, keadaan ini masih dapat ditampung dengan perkembangan positif melalui pengumpulan modal syer dan yuran meningkat sebanyak 4.61% kepada RM16.54 bilion dan pertumbuhan aset sebanyak 2.98% iaitu RM154.98 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Gerakan koperasi di Malaysia berkembang dengan pelbagai


aktiviti ekonomi yang dikelaskan mengikut aktiviti utama iaitu Aktiviti Perkhidmatan Kewangan, Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan, Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani, Aktiviti Perladangan, Aktiviti Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan serta Aktiviti Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan. Setiap aktiviti memberi sumbangan signifikan kepada gerakan koperasi iaitu merangkumi aktiviti yang menjadi penyumbang utama kepada pendapatan dan aset koperasi.

NISBAH RAKYAT BERKOPERASI (NRB)

Nisbah Rakyat Berkoperasi (NBR) merupakan kadar penyertaan warganegara Malaysia yang menganggotai koperasi. Secara keseluruhannya, NBR memberikan gambaran penyertaan seorang daripada lima orang warganegara Malaysia yang menganggotai koperasi.

Tahun 2021 menunjukkan peningkatan kadar penyertaan warganegara Malaysia menganggotai koperasi pada kadar 1.68% berbanding tahun 2020. Julat keseluruhan keanggotaan rakyat Malaysia dalam koperasi berbanding jumlah warganegara Malaysia meningkat sebanyak 23.63% pada tahun 2021 berbanding 21.94% pada tahun 2020.

Rajah 3.1 : Perbandingan Julat Pertambahan Keanggotaan Rakyat Berkoperasi




KUMPULAN WANG ANGGOTA / MODAL SYER DAN MODAL YURAN ANGGOTA

Kumpulan Wang Anggota merupakan suatu bentuk ekuiti koperasi. Ia terdiri daripada modal yang disumbang oleh pemilik koperasi ditambah dengan keuntungan atau kerugian terkumpul yang terhasil daripada penggunaan modal tersebut.

Statistik menunjukkan kumpulan wang anggota kebanyakan koperasi adalah dalam julat RM1 juta dan ke bawah. Ia merangkumi 90% daripada keseluruhan bilangan koperasi di seluruh negara yang mana 75% koperasi berada dalam julat

RM10,000 sehingga RM999,999 manakala 15% selebihnya berada di bawah julat RM10,000. Sebanyak 7% koperasi pula adalah di antara RM1 juta sehingga RM10 juta. Ini menunjukkan kebanyakan ekuiti koperasi adalah berskala kecil.


Bagi mempertingkatkan penyertaan sektor koperasi dalam ekonomi negara dan menyumbang kepada pembangunan negara, agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung boleh memainkan peranan untuk memperkembangkan ekuiti koperasi seperti bantuan dan geran pembangunan yang efisien dan mampan serta penggalakan penubuhan koperasi yang bersaiz besar.

Rajah 3.2 : Julat Kumpulan Wang Anggota

Dari segi EPP, sejumlah 1,595 koperasi mempunyai kumpulan wang yang berada dalam Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan. Ia mewakili 34% daripada keseluruhan sektor koperasi. EPP terbesar seterusnya adalah di Aktiviti Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan serta Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani dengan masing-masing pada kadar 27% dan 9%.


Bilangan EPP yang besar ini menunjukkan koperasi berupaya memainkan peranan dalam membantu untuk menstabilkan dan mengurangkan harga barangan keperluan asas serta menjamin sekuriti makanan negara sepertimana yang diuar-uarkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, kebanyakan koperasi didapati mempunyai kumpulan wang anggota, modal syer dan modal yuran di bawah RM1 juta dan ini menjadikan titik tolak supaya koperasi dibantu sedaya mungkin agar menjadi pemangkin kepada penyelesaian masalah semasa.

KUMPULAN WANG ANGGOTA MENGIKUT EPP

Rajah 3.3 : Kumpulan Wang Anggota Mengikut Aktiviti EPP

Koperasi yang disertai oleh orang awam mendominasi sektor koperasi dengan 49% daripada keseluruhan koperasi. Seterusnya 42% koperasi adalah koperasi sekolah, institut pengajian tinggi dan swasta manakala baki 8% lagi adalah koperasi kakitangan kerajaan dan badan berkanun. Keberadaan koperasi orang awam yang signifikan ini menunjukkan koperasi berada dalam kelompok komuniti masyarakat di negara ini dan boleh menjadi medium bagi membantu rakyat dari segi ekonomi dan sosial.

KUMPULAN WANG ANGGOTA MENGIKUT KUMPULAN SASAR


Rajah 3.4 : Kumpulan Wang Anggota Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar

JULAT ASSET KOPERASI BERDASARKAN KUMPULAN SASAR DAN AKTIVITI EPP

Secara keseluruhannya, aset gerakan koperasi masih berada di tahap rendah iaitu kebanyakan aset koperasi berada di dalam julat RM1 juta dan ke bawah. Statistik menunjukkan sebanyak 76.4% aset gerakan koperasi mendominasi julat ini, diikuti

dengan 9.43% aset koperasi berada di bawah julat RM1 juta hingga RM10 juta, manakala 9.39% koperasi masih memiliki aset di dalam julat kurang daripada RM10 ribu. Sehubungan itu, pemilikan aset ini dapat ditingkatkan melalui kepelbagaian dalam menjalankan aktiviti perniagaan melalui penambahan aset-aset koperasi serta pembudayaan penggunaan teknologi bagi meningkatkan inovasi sesuatu perniagaan.

Rajah 3.5 : Julat Aset Koperasi bagi Tahun 2021




JULAT ASSET KOPERASI BERDASARKAN BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (EPP)

Berdasarkan statistik pada rajah 3.6, komponen utama julat aset koperasi mengikut bidang keberhasilan utama (EPP) bagi tahun 2021 adalah dimonopoli oleh koperasi Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan dengan bilangan koperasi sebanyak 1,595 atau 34% daripada jumlah koperasi iaitu 4,679. Koperasi aktiviti ini menghasilkan sebanyak 91.29% aset di dalam julat kurang daripada RM1 juta. Pemilikan aset yang didominasi oleh koperasi aktiviti ini boleh terus ditingkatkan dengan penguasaan sistem rantai nilai bekalan barangan keperluan secara pukal melalui ekosistem yang komprehensif dan bersepadu. Inisiatif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam membangunkan Co-op Mart (CCM) merupakan


salah satu peranan yang boleh diiktiraf dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. Sementara itu, koperasi Aktiviti Hartanah dan Industri Pembinaan mewakili 72.10% aset di bawah julat yang sama, diikuti dengan koperasi Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak 53.85%. Koperasi di bawah Aktiviti Perkhidmatan Kewangan pula mencatatkan kedudukan aset terendah di dalam julat RM1 juta dan ke bawah iaitu sebanyak 17.51%.

Sementara itu, julat aset antara RM1 juta hingga RM10 juta merupakan purata kedua tertinggi yang didominasi oleh koperasi Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu sebanyak 34.38% dengan diikuti oleh julat aset RM10 juta hingga RM20 juta yang dimonopoli oleh koperasi Aktiviti Perkhidmatan Kewangan sebanyak 15.67%.

Rajah 3.6 : Julat Aset berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama (EPP)**KOMPOSISI ASET KOPERASI BERDASARKAN KUMPULAN SASAR**

KUMPULAN SASAR	JUMLAH (RM BILLION)
Lain-lain Orang Awam	9.74
Peneroka Felda	4.71
Kakitangan Beruniform	4.46
Kakitangan Jabatan / Agensi	2.58
Pekerja Syarikat	1.89
Guru	1.06
Gabungan Dewasa	0.42
Lain-lain Kakitangan Kerajaan	0.41
Kakitangan Badan Berkanun Persekutuan	0.40
Gabungan	0.32
Lain-lain kumpulan	1.61
JUMLAH	27.61

Koperasi yang dianggotai oleh orang awam merupakan penjana aset terbesar dalam gerakan koperasi pada tahun 2021 dengan jumlah sebanyak RM9.74 bilion diikuti dengan koperasi yang dianggotai oleh peneroka felda iaitu sebanyak RM4.71 bilion. Pemilikan aset yang tinggi oleh koperasi yang dianggotai oleh orang awam ini membuktikan bahawa konsep berkoperasi telah luhur dalam jiwa masyarakat dan berjaya menjana pendapatan, meningkatkan pengeluaran makanan dan menggalakkan perpaduan serta integrasi sosial dalam kalangan masyarakat. Kumpulan-kumpulan sasaran yang lain juga membantu dalam meningkatkan prestasi kedudukan aset koperasi dan ekonomi negara. Pecahan komposisi aset mengikut kumpulan sasaran bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Rajah 3.7 : Komposisi Aset Berdasarkan Kumpulan Sasar

PENDAPATAN SEKTOR KOPERASI

Aktiviti Kredit yang dijalankan oleh koperasi telah menguasai aktiviti ekonomi sektor koperasi di Malaysia. Antara penyumbang tertinggi kepada pendapatan koperasi adalah seperti aktiviti pinjaman/pembiayaan yang mencatatkan 21.41% pendapatan. Koperasi yang menjalankan aktiviti kredit menerima pendapatan dari segi faedah atau keuntungan pinjaman/pembiayaan, fi-fi dan caj-caj yang berkaitan.


Kedua, aktiviti pertanian menjadi penyumbang kepada pendapatan koperasi yang mana koperasi memperoleh hasil daripada jualan iaitu tanaman hasil singkat seperti sayur-sayuran, buah-buahan, kelapa sawit dan tanaman lain. Sebanyak 15.9% pendapatan koperasi adalah daripada aktiviti pertanian. Koperasi telah mengoptimalkan sumber semula jadi sedia ada untuk membantu membekalkan tanaman yang berkualiti, berkhiasat di samping harga yang berpatutan kepada

pelanggan.

Dalam tahun 2021, aktiviti kontrak merupakan penyumbang ketiga iaitu sebanyak 13.3% selepas aktiviti pertanian yang mana koperasi-koperasi di Malaysia menjalankan aktiviti pembangunan hartanah dan industri pembinaan. Walaupun dalam tahun 2020 aktiviti ini terjejas dan terkesan akibat pandemik COVID-19, koperasi berjaya mengatasi tempoh tersebut dan mengambil peluang dalam tahun pasca-covid.

Akhir sekali, aktiviti yang menyokong pendapatan koperasi dengan 9.9% pendapatan koperasi disumbangkan olehnya, adalah daripada aktiviti stesen minyak. Koperasi yang menjalankan aktiviti stesen minyak telah menunjukkan kredibiliti bagi memastikan perniagaan terus bertahan. Ini juga menunjukkan bahawa perniagaan stesen minyak dapat meningkatkan ekonomi koperasi dan berupaya memenuhi keperluan dan pembangunan komuniti setempat.

Rajah 3.8 : Pendapatan koperasi berdasarkan aktiviti ekonomi



PERBELANJAAN SEKTOR KOPERASI

Perbelanjaan sektor koperasi pada 2021 dianggarkan berjumlah RM3.3 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2.2 bilion adalah perbelanjaan untuk aktiviti yang dijalankan oleh koperasi. Meskipun dalam tahun 2021, aktiviti kredit merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan sektor ekonomi koperasi, namun aktiviti kontrak dilihat memberi perbelanjaan terbesar kepada koperasi yang mana ia mewakili 30% daripada jumlah kos aktiviti. Ini adalah rentetan daripada pasca COVID-19 yang mana sektor ini mula menjalankan aktiviti selepas mengalami situasi perniagaan yang amat mencabar

akibat pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Perbelanjaan stesen minyak adalah kedua tertinggi selepas aktiviti kontrak iaitu mewakili 23% daripada jumlah perbelanjaan. Perbelanjaan yang tinggi bagi aktiviti stesen minyak menunjukkan cabaran ekonomi untuk koperasi meneruskan aktiviti sedia ada bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Dalam pada itu, perbelanjaan terbesar selain kos aktiviti adalah perbelanjaan pelbagai seperti belanja penyelenggaraan pejabat dan kenderaan, cukai tanah/pintu, utiliti, alat tulis, keraian dan


sewaan yang mewakili sebanyak 35.1%.

Seterusnya, sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung bayaran emolumen iaitu mewakili 30% berbanding komponen perbelanjaan lain. Koperasi akan terus memastikan agar kedudukan kewangan adalah kukuh serta mempunyai keupayaan untuk membayar komitmen yang lain.

Selain itu, 13.1% dan 9.4% masing-masing telah dibelanjakan bagi tujuan peruntukan hutang ragu/rosot nilai pelaburan dan

susut nilai aset selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai di Malaysia. Ini bertujuan memastikan penyata kewangan koperasi memberi gambaran yang benar dan saksama berkaitan kedudukan kewangan koperasi. Sementara itu, kos pembiayaan/faedah pinjaman mewakili 9.4% daripada perbelanjaan koperasi yang lain serta 3.1% merupakan perbelanjaan Lembaga koperasi. Koperasi hendaklah mengambil pendekatan berjimat dan fokus kepada keperluan anggota dalam menjalankan aktiviti perniagaannya.

Rajah 3.9 : Perbelanjaan Sektor Koperasi mengikut Aktiviti




ROA / ROE

Dalam tahun 2021, jumlah aset koperasi menunjukkan nilai RM27.6 billion, ekuiti koperasi pula mencatatkan jumlah RM9.9 billion manakala keuntungan koperasi berjumlah RM898 juta. Dengan ini, dilihat pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti masing-masing adalah 3.25% dan 9.04% setara dengan keuntungan koperasi. Pulangan ekuiti yang tinggi ini menunjukkan keberkesanan koperasi menggunakan dana

dalam untuk menjana keuntungan. Pada masa yang sama, ini dapat memberi bukti keyakinan anggota-anggota kepada gerakan koperasi. Sektor koperasi mampu mendepani cabaran dengan adanya sokongan dan keyakinan anggota. Pulangan atas aset yang stabil menunjukkan kecekapan koperasi menjana keuntungan daripada aset sedia ada. Oleh itu, koperasi hendaklah memastikan aset sedia ada adalah berkualiti untuk mengurangkan risiko kredit dan risiko likuiditi.

Rajah 3.10 : ROA/ROE Koperasi tahun 2021



KESIMPULAN

Walaupun tahun 2021 adalah tahun yang amat mencabar bagi ekonomi dunia umumnya dan gerakan koperasi khususnya, namun gerakan masih utuh menghadapi rintangan ini dan perlu

mengembangkan kemampuan rangkaian bagi meningkatkan prestasi melalui perancangan dan polisi strategik agar sektor koperasi menjadi lebih kuat, berdaya saing serta dapat meningkatkan prestasi dan sumbangan terhadap ekonomi dan juga KDNK negara.

BAB 4

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

- Pengenalan ◀
- Rantai Bekalan Dalam Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan ◀
- Aktiviti Perkhidmatan Kewangan ◀
- Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani ◀
- Pemeriksaan Koperasi Melalui Federasi Koperasi ◀
- Pendigitalan Koperasi ◀
- Tadbir Urus ◀

BAB 4 MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

PENGENALAN

Perniagaan adalah aktiviti kemasyarakatan yang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia. Tidak mungkin ada orang yang boleh mengelak daripada aktiviti menjual mahupun membeli sekalipun mereka bukan tergolong dalam golongan usahawan kerana ia adalah untuk memenuhi keperluan seharian. Justeru aktiviti berkoperasi berlandaskan prinsip-prinsip koperasi yang dijalankan itu bukan sahaja sekadar dapat memenuhi keperluan bahkan dapat mengelakkan daripada sebarang pengeksploitasian atas hak-hak individu mahupun masyarakat. Ringkasnya perniagaan dalam koperasi bukan hanya bermatlamat untuk memperoleh keuntungan semata-mata, namun turut memenuhi keperluan sosial dan memperkasa kebajikan sosioekonomi anggota.

‘Koperasi ertinya suatu pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi’

Kata kunci kepada koperasi ialah sebuah pertubuhan yang mengumpulkan sumber secara kolektif daripada anggota-anggota yang mempunyai latar belakang yang sama dengan tujuan memenuhi keperluan bersama secara kolektif. Ini menunjukkan model koperasi melibatkan sumber bersama daripada ahli, melalui usaha-usaha yang dijalankan sendiri oleh ahli dan memberi manfaat kepada ahli.

Dalam perniagaan, sumber kewangan dalaman menggambarkan dana yang diperolehi daripada aset yang ada dan operasi harian yang menjadi perhatian. Ini bertujuan untuk meningkatkan wang yang dihasilkan daripada aktiviti perniagaan biasa. Ini adalah selaras dengan kelulusan yang telah dibenarkan oleh kerajaan dalam menjalankan aktiviti berkoperasi di mana koperasi boleh mendapatkan wang untuk menjalankan aktiviti melalui fi masuk, syer yang dilanggan dan dibayar oleh anggota, yuran bagi koperasi kredit, simpanan khas anggota, serta derma. Oleh yang demikian, dana dalaman yang dijana dapat dioptimumkan untuk menghasilkan pendapatan dan sekali gus dapat memberi kebajikan dan pulangan kepada anggota. Aktiviti pendorongan dan peruncitan sangat sinonim dengan koperasi dan selaras dengan jumlah dana dalaman terkumpul

yang dimiliki bagi digembleng usaha oleh semua anggota dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

Koperasi Satu Harakah Perlis Berhad bermula pada 2015 dengan bertatih menjalankan aktiviti peruncitan menggunakan dana dalaman secara sepenuhnya, dan telah menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan. Fungsi utama koperasi ini ialah aktiviti pengguna. Keanggotaan yang hampir 400 orang telah mengumpulkan jumlah syer berjumlah hampir RM500,000.00 pada awal penubuhan sekali gus menjana pendapatan tahunan terkini pada jumlah RM5 juta setahun. Usaha ALK dan sambutan daripada anggota yang komited dalam meningkatkan jualan dan perolehan koperasi telah mempelbagaikan strategi jualan seperti mengadakan jualan secara bergerak menggunakan lori selain daripada kedai yang sedia ada. Pihak koperasi juga telah menyediakan jualan melalui pesanan dan penghantaran dengan motosikal dari pintu ke pintu yang dikenali sebagai ‘mobile shop’.

Uniknya koperasi ini ialah memperkenalkan konsep “halalan toyyiba” dengan menjual pelbagai produk keluaran pembekal Muslim dan bumiputera. Konsep ini digunakan bagi melaksanakan tuntutan agama iaitu memenuhi tuntutan fardu kifayah dengan menawarkan produk yang diyakini halal kepada pengguna yang beragama Islam. Koperasi ini juga mengamalkan konsep berniaga sambil beramal. Hasil daripada keuntungan perniagaan disalurkan dalam bentuk zakat perniagaan, bantuan kepada asnaf-asnaf dan mewujudkan tabung-tabung yang bersesuaian. Koperasi ini juga telah memberi “potongan langganan” kepada anggota koperasi yang menjadi pelanggan di kedai koperasi.

Keanggotaan koperasi ini datangnya daripada pelbagai latar belakang. Penyertaan dan penglibatan anggota dalam menyokong perniagaan kedai koperasi mampu menjadikan aktiviti koperasi terus bergerak aktif sekali gus dapat meningkatkan perolehan koperasi. Sokongan yang berterusan ini membuktikan kerjasama padu semua pihak dalam menjamin kekuatan sesebuah koperasi untuk terus menempa kejayaan demi kejayaan menerusi aktiviti yang dijalankan. Tanpa sokongan dan kerjasama seperti itu, sudah pasti, segala aktiviti yang direncanakan tidak dapat direalisasikan.

Hasil sokongan dan kerjasama anggota, koperasi telah mewujudkan Tabung Kebajikan dan Tabung Khairat Kematian

bagi memastikan koperasi terus maju dan mendapat sokongan daripada semua anggota. Justeru, anggota Lembaga Koperasi menyeru semua anggota untuk terus aktif dalam menyokong aktiviti koperasi.

Walau apa jua aktiviti yang dilaksanakan dan kejayaan yang telah

dicapai, diharapkan koperasi terus berpegang teguh kepada prinsip koperasi iaitu mengambil berat terhadap masyarakat dengan menawarkan jualan barang-barang keperluan pada harga yang berpatutan atau lebih murah berbanding harga pasaran dan seterusnya dapat mencapai peningkatan jualan dan perolehan tahunan koperasi.



RANTAIAN BEKALAN DALAM AKTIVITI PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

Pemborongan dan peruncitan merupakan salah satu aktiviti ekonomi penting yang memberikan sumbangan utama kepada pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan daya keusahawanan serta kesejahteraan sosial masyarakat. Ia meliputi semua proses yang berlaku di sepanjang rantai bekalan (supply-chain) seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah yang merangkumi pengeluaran produk, pengumpulan, pengedaran, pemborongan dan peruncitan yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya para peniaga dan pengguna.




Penglibatan koperasi dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan adalah bertepatan dengan konsep “*members-owned, members-produced, and members-consumed*” di mana koperasi yang dimiliki oleh anggota, bergabung tenaga

dan modal mengeluarkan produk/barangan keperluan adalah untuk kegunaan dan faedah bersama. Bilangan koperasi yang terlibat dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan juga semakin meningkat setiap tahun.



Bagi memacu pelan tindakan untuk memperkasa penglibatan koperasi dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan melalui penguasaan rantaian bekalan (supply chain) dan rantaian nilai

(*value chain*), ia perlu diterjemahkan melalui pelan tindakan yang bersesuaian bagi memastikan agar dapat direalisasikan sebaik mungkin.



Pemahaman berkaitan model-model perniagaan koperasi yang ada membantu memperkemas amalan pengurusan operasi

sedia ada dalam usaha memberi faedah secara berkesan dan mapan kepada ahlinya.

AKTIVITI PERKHIDMATAN KEWANGAN

Koperasi perbankan dan kredit masih menjadi penyumbang terbesar iaitu 90% kepada pemilikan aset dalam gerakan koperasi berbanding koperasi yang menjalankan fungsi-fungsi lain. Koperasi kredit merupakan koperasi yang tertua dan mendominasi pegangan aset dan modal keseluruhan gerakan koperasi. Walaupun dari segi bilangan, koperasi kredit yang berdaftar adalah sedikit daripada jumlah keseluruhan koperasi tetapi pegangan modal keseluruhan adalah yang terbesar. Ini bermakna koperasi kredit mempunyai keteguhan kewangan dibandingkan dengan koperasi daripada fungsi yang lain.

kepada menyokong dan memenuhi keperluan kewangan bagi segmen pasaran yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan daripada bank perdagangan. Co-opbank dan koperasi kredit dapat memberi manfaat kepada anggota dan pelanggannya dengan memberi tumpuan kepada pasaran dengan kurang penerimaan, terutamanya dalam segmen PKS, koperasi dan mikro kredit. Kumpulan dalam segmen ini kurang diterima oleh bank perdagangan kerana melibatkan penambahan kos perkhidmatan dan dianggap berisiko, menceburi dan menjalani perniagaan baharu tanpa rekod, tidak mempunyai sekuriti atau cagar, atau mengusahakan perniagaan yang beroperasi dalam bidang baharu.

Dalam arus perubahan industri kewangan global yang terus bergerak pantas, sistem kewangan koperasi akan lebih tercabar untuk menjadi efisien dan berdaya saing, lebih inovatif dan lebih berorientasikan teknologi. Di samping menjadi lebih fokus dalam mengatur strategi, infrastruktur kewangan koperasi akan diwujudkan dengan sewajarnya untuk membantu dan menyokong perkembangan tersebut.

AKTIVITI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Pertanian dan industri asas tani merupakan aktiviti ekonomi yang penting dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat Malaysia serta menjamin keselamatan makanan. Berdasarkan statistik, penglibatan koperasi di dalam aktiviti ini menunjukkan bilangan ketiga terbanyak selain fungsi pengguna dan perkhidmatan.

Penglibatan co-opbank dan koperasi kredit akan lebih tertumpu

Pertanian dilihat sebagai perniagaan yang memberi prospek besar kepada seluruh masyarakat Malaysia khususnya kepada anggota koperasi sendiri kerana majoriti anggota mempunyai tanah untuk pertanian atau boleh menjalankan aktiviti pertanian secara sendiri dalam ruang sedia ada di kediaman masing-masing. Aktiviti ini membantu merapatkan jurang sosioekonomi dalam masyarakat dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara luar.

Penglibatan koperasi dalam aktiviti pertanian dan industri asas tani adalah berkonsepkan “*members-owned, members-produced, and members-traded*” di mana koperasi yang dimiliki oleh anggota, bergabung tenaga dan modal mengeluarkan hasil pertanian untuk dipasarkan secara bersama. Dalam konteks ini, peranan orang tengah akan digantikan oleh koperasi yang bertindak sebagai pembekal input pertanian kepada petani dan memasarkan hasil pertanian.



Pelaksanaan model perniagaan bagi aktiviti ini dapat dilaksanakan secara kerjasama dalam kalangan koperasi yang terlibat untuk Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani yang akan bergabung tenaga, modal dan kepakaran bagi meningkatkan

PEMERKASAAN KOPERASI MELALUI FEDERASI KOPERASI


Landskap gerakan koperasi berubah seiring dengan arus pemodenan dalam menghadapi dunia perniagaan yang semakin mencabar. Langkah strategik untuk meneruskan perkembangan koperasi adalah pemeraksanaan koperasi melalui federasi koperasi yang mewakili enam bidang keberhasilan utama koperasi. Penubuhan dan pendaftaran federasi adalah salah satu inisiatif strategi bagi penyediaan ekosistem koperasi

pendapatan koperasi. Bagi memastikan sasaran tercapai, pelan tindakan perlu dilaksanakan secara sistematik dan memerlukan peneraju bagi memandu pelaksanaan pelan tindakan mengikut landasan yang betul.

yang lebih kompetitif. Ekosistem melalui federasi koperasi merupakan kaedah kepada gerakan koperasi bagi menghadapi arus pemodenan dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar masa kini.

Menggalakkan amalan prinsip keenam, Prinsip Berkoperasi dalam gerakan koperasi, iaitu bekerjasama di antara koperasi dan seterusnya berkeupayaan bersaing pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

EKOSISTEM DICIPTA MELALUI FEDERASI KOPERASI



Federasi adalah gabungan dua (2) **atau atau lebih koperasi asas** dalam aktiviti ekonomi yang sama yang bertujuan untuk memudah cara operasi dan perniagaan koperasi anggota bagi meningkatkan sosioekonomi. Federasi dalam konteks Suruhanjaya, merupakan koperasi menengah yang didaftarkan di bawah subseksyen 4(2) Akta Koperasi 1993 yang mewakili setiap aktiviti ekonomi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Penubuhan gabungan dalam kalangan koperasi adalah untuk pengumpulan modal, kepakaran dan tenaga bagi membolehkan koperasi melibatkan diri dalam aktiviti lain pada skala yang lebih besar dan seterusnya dapat memperkukuhkan daya saing sesebuah koperasi berlandaskan prinsip koperasi.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai sebuah badan regulator yang mengawalselia gerakan koperasi telah

berperanan merangsang pembangunan sektor koperasi bagi mencapai objektif pembangunan sosioekonomi negara. Pelan tindakan telah disediakan oleh Suruhanjaya untuk memudah cara penubuhan dan pendaftaran federasi. Antara pelan yang telah diadakan adalah mengadakan sesi libat urus bersama koperasi peneraju yang akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penaja bagi setiap aktiviti ekonomi. Suruhanjaya membantu dalam menguruskan urusan pelaksanaan mesyuarat agung permulaan Federasi Koperasi dan pendaftaran Federasi Koperasi pada tarikh 1 April 2021.

Bagi mengoptimumkan Kumpulan Wang Amanah dalam membiayai perbelanjaan gerakan koperasi, Suruhanjaya bersedia menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan dalam memastikan federasi mampu bergerak dengan berdaya maju dalam membantu semua anggotanya.

PENDAFTARAN FEDERASI KOPERASI



Suatu GP20A: Penubuhan dan Pengoperasian Federasi Koperasi telah dikeluarkan untuk menggariskan keperluan dan syarat bagi penubuhan dan pengoperasian sesebuah federasi koperasi. Garis Panduan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 86(1) Akta Koperasi 1993 ini dapat memberi impak yang positif

kepada perkembangan dan pembangunan gerakan koperasi pada masa kini dan memperkasakan gerakan koperasi serta berperanan sebagai pemangkin (catalyst) kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.



Suruhanjaya turut menghebahkan agar semua koperasi menyokong hasrat penubuhan federasi koperasi dan menyertai federasi sebagai anggotanya. Penyertaan sebagai anggota federasi ini memberi banyak manfaat kepada koperasi yang menyertainya agar dapat bersama-sama meningkatkan ekonomi koperasi. Federasi juga bertindak untuk menyelaraskan program pembangunan dan pengawalseliaan serta menganjurkan kongres dan konvensyen berkaitan dengan ekonomi anggotanya.

Federasi koperasi yang mewakili setiap aktiviti ekonomi sektor koperasi mempunyai peranan dan tanggungjawab yang signifikan dalam memastikan pertumbuhan dan peningkatan ekonomi koperasi. Antara peranan dan tanggungjawab federasi adalah mengharmonikan operasi dalam kalangan koperasi anggota.

Pemeriksaan komuniti melalui Kariah Masjid

1. Pengenalan

- 1.1 Insituti masjid merupakan pusat ibadat yang membawa lambang kebesaran, kemuliaan, perpaduan dan kesejahteraan seluruh umat Islam di Malaysia. Selain dijadikan pusat ibadah, masjid juga merupakan pusat

kehidupan umat Islam bahkan turut memegang peranan sebagai pusat rujukan, percambahan ilmu malah pusat segala kegiatan sosial komuniti setempat.

- 1.2 Daripada pusat kegiatan sosial ini lahirlah perkumpulan kariah yang membentuk jemaah masjid terdiri daripada ahli komuniti kariah dengan sistem pentadbiran yang diketuai oleh Nazir atau Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Imam, Bilal dan lain-lain jawatankuasa yang dipanggil Biro seperti Biro Dakwah, Biro Penerbitan dan Biro Ekonomi yang mempunyai tugas serta peranan masing-masing dalam memakmurkan sesebuah institusi masjid tersebut.
- 1.3 Kemakmuran sesebuah masjid itu tidak hanya terbatas kepada kecemerlangan pentadbiran oleh barisan lembaga masjid semata-mata bahkan boleh ditingkatkan dengan kepelbagaian aktiviti yang melibatkan penglibatan komuniti dan kariah. Aktiviti-aktiviti tersebut boleh berbentuk aktiviti amal dan kebajikan, sukaneka, kenduri kendara, aktiviti keagamaan dan perniagaan bagi mencari dana pendapatan kepada masjid. Maka, lahirlah idea untuk membentuk sebuah entiti perniagaan berpusatkan masjid yang dimiliki oleh

ahli kariah serta berfungsi menambah pendapatan dan keuntungan untuk dipulangkan kembali kepada ahli kariah yang menyumbang dalam bentuk modal syer dan saham.

- 1.4 Koperasi Kariah Masjid merupakan satu cabang daripada sasaran koperasi kluster komuniti yang terkandung di dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020 Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang membawa fungsi bagi memenuhi keperluan bersama bertujuan meningkatkan taraf sosioekonomi anggota dan masyarakat kariah masjid setempat.
- 1.5 Selaras dengan Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan Penubuhan Koperasi (GP12) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, koperasi kariah masjid adalah satu entiti koperasi yang bebas didaftarkan oleh mana-mana ahli kariah masjid tertakluk kepada pemakaian Peraturan Koperasi dan Undang-Undang Kecil yang memperincikan fungsi, keanggotaan, jumlah modal syer dan tujuan aktiviti perniagaan yang akan dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2021, jumlah Koperasi Kariah Masjid adalah sebanyak 474 dengan keanggotaan seramai 40,238 orang.

2. Keperluan ummah kepada produk Halalan Tyyiban

- 2.1 Islam menuntut amalan pemakanan yang suci dan halal bagi memastikan keberkatan diperoleh dalam kehidupan. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam untuk memastikan tuntutan ini dipenuhi. Proses penyediaan makanan dan minuman halal yang bermula daripada penyediaan bahan mentah hingga ia terhidang perlu dilaksanakan oleh orang Islam itu sendiri.
- 2.2 Pengguna Muslim lebih cenderung menjadi pembeli daripada penjual dan pembekal serta tidak berminat untuk menjadi usahawan khususnya dalam aktiviti pembekalan makanan halal. Jika diamati seruan agama Islam supaya umatnya bekerja sendiri dan terlibat dalam bidang keusahawanan, ia sebenarnya berkaitan dengan ikhtiar membina kekuatan ekonomi ummah serta mengurangkan kebergantungan terhadap barangan

atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pengeluar bukan Islam.

- 2.3 Dengan jangkaan penduduk Muslim yang dianggarkan akan meningkat seramai 22.8 juta pada 2030, terdapat banyak peluang dan ruang bagi usahawan Muslim untuk menceburi pasaran halal di Malaysia termasuklah melalui sektor koperasi.
- 2.4 Koperasi juga digalakkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berteraskan perusahaan secara komuniti dan sosial seperti pusat asuhan kanak-kanak, pusat tuisyen dan rumah anak yatim bagi isi rumah B40 di luar desa. Perusahaan ini juga digalakkan untuk mewujudkan kerjasama dengan syarikat yang mempunyai pengalaman dan berkemampuan bagi memperluaskan aktiviti yang berteraskan secara komuniti dan sosial.

3. Gerakan Koperasi Kariah Masjid Di Malaysia

- 3.1 Sehingga 31 Disember 2021, bilangan koperasi kariah masjid yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 adalah sebanyak 474 buah iaitu hanya 3.19% daripada jumlah bilangan keseluruhan koperasi berdaftar. Penubuhan koperasi kariah masjid ini adalah melalui institusi masjid di seluruh negara dan bilangan 470 buah ini hanyalah 6.86% daripada jumlah masjid yang didaftarkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu sebanyak 6,850 buah. Koperasi kariah masjid didaftarkan dengan pelbagai fungsi perniagaan seperti pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan dan perkhidmatan.
- 3.2 Daripada jumlah 474 koperasi kariah masjid yang berdaftar, 245 daripadanya adalah merupakan koperasi kariah yang menjalankan fungsi pengguna, 182 koperasi sebagai fungsi perkhidmatan, 37 koperasi pertanian, 4 koperasi pembinaan, 4 koperasi perindustrian dan 2 koperasi menjalankan fungsi perumahan.
- 3.3 Data dan statistik koperasi kariah masjid berdasarkan bilangan koperasi, anggota, jumlah modal syer, jumlah aset dan jumlah perolehan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut;

TAHUN	BIL.KOPERASI	BIL.ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
2021	474	40,238	12.99 juta	30.71 juta	21.06 juta

4. Isu dan cabaran koperasi kariah masjid

4.1 Walaupun konsep penubuhan koperasi kariah masjid melalui ahli kariah atau komuniti secara teorinya dilihat mudah dilaksanakan, namun terdapat beberapa

isu dan cabaran yang menjadi penghalang kepada perkembangan koperasi kariah masjid di sesuatu kawasan. Antara isu dan cabaran utama yang sering menjadi punca dan penghalang kepada perkembangan koperasi kariah masjid adalah seperti berikut;

BIL.	ISU	PUNCA UTAMA
1.	Tidak memberi sebarang pulangan kepada anggota	
	Tiada common needs	Tiada pelan strategik perniagaan
	Kekangan modal dan sumber perniagaan	Keanggotaan yang tidak ramai
	Tiada pelan perniagaan komprehensif	Tiada barisan pengurusan
2.	Keyakinan dan sokongan komuniti	
	Kurang sokongan komuniti	Kurang pendedahan dan kesedaran kepentingan koperasi
	kurang kefahaman terhadap koperasi	Hanya sebilangan kecil koperasi yang berjaya
	Tahap kesetiaan rendah terhadap koperasi	Tiada <i>self belonging</i>
3.	Sistem penyampaian dan tadbir urus yang lemah	
	Kurang sokongan pihak masjid	Kurang pengalaman mengurus koperasi
	Kesinambungan kepimpinan generasi muda	AJK masjid kurang proaktif
	Tiada sistem perniagaan bersepadu	Conflict of interest

4.2 Maka, dengan mengambil kira segala isu dan punca seperti di atas, penghasilan Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid ini telah menggariskan beberapa inisiatif atas teras strategik hasil daripada teras utama yang meliputi tindakan yang akan dilaksanakan bagi tempoh 2017 sehingga 2020 bagi peningkatan keupayaan koperasi kariah masjid. Ini adalah dari segi bilangan koperasi, peningkatan pendapatan dan penghasilan peluang pekerjaan melalui *community spill over business effect* yang diharapkan mampu menjadi penjana kepada pembangunan komuniti khususnya bagi komuniti Islam setempat.

5. Landskap Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid

5.1 Visi

Meningkatkan bilangan dan pendapatan koperasi kariah masjid dengan sasaran 500 buah koperasi dengan perolehan RM100 juta menjelang tahun 2020.

5.2 Objektif

- Memperkasa koperasi kariah masjid bagi memenuhi keperluan harian komuniti setempat;
- Menjadikan koperasi kariah masjid sebagai penjana ekonomi masyarakat; dan
- Menggalakkan penyatuan ummah melalui ekonomi

5.3 Inisiatif Strategik

- Penglibatan dalam kepelbagaian bidang ekonomi;
- Menjadikan aktiviti corporate social responsibility (CSR) sebagai teras kemampanan koperasi;
- Peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus; dan
- Insentif dan pengiktirafan

5.4 Teras Utama Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid

- Pemantapan cabang perniagaan
- Pemeriksaan tadbir urus
- Pengukuhan sistem penyampaian

6. Impak Pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid 2017-2020

6.1 Impak Ekonomi

- i) Peningkatan bilangan dan perolehan pendapatan koperasi kariah masjid;
- ii) Mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti
- iii) Mewujudkan peluang keusahawanan kepada komuniti terutamanya golongan B40

6.2 Impak Sosial

- i) Melalui aktiviti penternakan Lembu dan Kambing serta Cooperative Collection Centre (CCC) yang akan diwujudkan, pembekalan terhadap sumber makanan seperti daging, tenusu dan sumber makanan haiwan secara halal dan toyyib dapat dihasilkan dan mengurangkan kebergantungan kepada pembekal bukan Muslim yang diragui sumber bekalannya.
- ii) Keuntungan yang dijana oleh koperasi kariah dapat memberikan pulangan kepada anggota melalui pemberian dividen serta manfaat-manfaat lain seperti khairat kematian, program kerohanian dan program kemasyarakatan yang mengutamakan kesatuan ummah seterusnya dapat mengurangkan permasalahan sosial dalam kalangan golongan belia.
- iii) Pembukaan Community Shop dan My Farm Outlet koperasi di kawasan luar bandar dan pedalaman dapat menambah baik aksesibiliti atau kebolehdapatan produk dan sistem penyampaian perkhidmatan. Penduduk di kawasan luar bandar tidak perlu lagi ke bandar untuk mendapatkan barangan keperluan

dan dapat membuat bayaran-bayaran bil setempat melalui penubuhan Cooperative Satellite Centre (CSC) yang menjadi nadi kepada sesebuah komuniti.

iv) Dengan kelangsungan aktiviti yang dijalankan oleh koperasi, ia dapat memupuk budaya serta menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan komuniti melalui penyebaran ilmu, pertukaran maklumat dan perkongsian pengalaman perniagaan di dalam komuniti itu sendiri sekaligus dapat mengeratkan kerjasama dan ukhuwah sesama anggota.

7. Penerima Anugerah Koperasi Masjid Peringkat Kebangsaan

Persidangan Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2022 merupakan anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang bertemakan “Koperasi Kariah Masjid Pemangkin Ekonomi Ummah”. Kerjasama strategik antara JAKIM dengan KUSKOP ini bertujuan membangunkan Koperasi Kariah Masjid dan usahawan dalam kalangan Muslim untuk memajukan ekonomi ummah setempat.

Sempena Persidangan Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2022, beberapa Koperasi telah dianugerahkan koperasi terbaik seperti senarai berikut:

BIL.	NAMA KOPERASI	AKTIVITI KOPERASI
1.	Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashdiah Selama Perak Berhad No. Daftar: A-3-1134 Tarikh Daftar: 20/06/2013	1. Pasar mini (COOPmart)
		2. Jualan Lembu Korban
		3. Sewaan Tapak Perniagaan
		4. Tanaman Kelapa Sawit
		5. Perkhidmatan Kursus Haji
2.	Koperasi Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad No. Daftar: B-3-1656 Tarikh Daftar: 23/10/2015	1. Kedai Runcit (YaqinMart)
		2. Perkhidmatan Ubahsai Rumah/ Masjid/ Surau
		3. Jualan Makanan (YaqinCafe dan YaqinCatering)
		4. Pembekalan Bakul Makanan
		5. Pakej lawatan ke luar negara
3.	Koperasi Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Berhad No. Daftar: W-4-0775 Tarikh Daftar: 15/02/2012	1. Pengurusan Majlis di kawasan masjid sama ada program rasmi kerajaan atau majlis peribadi orang awam
		2. Penyewaan kerusi meja dewan jamuan

	3. Kerja pengurusan dan pembersihan dewan jamuan
	4. Sewaan kafeteria
	5. Sewaan tapak bazar jumaat
	6. Jualan air mineral
	7. Sewaan tapak vending machine
	8. Perkhidmatan pengurusan program-program masjid

PENDIGITALAN KOPERASI

Pelaksanaan Pendigitalan Koperasi adalah selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 dalam Bidang Tujahan 4 melalui Langkah Strategik untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi merangkumi pengadaptasian teknologi, digitalisasi dan automasi.

Objektif program ini adalah untuk mempertingkatkan adaptasi teknologi digitalisasi dan automasi dalam operasi perniagaan Koperasi.

Ciri-ciri yang perlu dalam mewujudkan platform e-dagang adalah seperti berikut:

- Rangkaian domestik
- Perhubungan antarabangsa
- Modul promosi (kupon, baucar, tawaran)
- Halaman profil peniaga
- Pembayaran 'one-stop'
- Sokongan dwibahasa
- Tiket dan 'chatbot'
- Pembayaran 'e-wallet'
- Pembayaran FPX

Selain itu, koperasi-koperasi juga digalakkan menggunakan kaedah promosi masa kini yang menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan lain-lain. Berikut adalah senarai koperasi yang mempunyai platform e-dagang sendiri.

SENARAI PLATFORM e-DAGANG KOPERASI

BIL.	NAMA KOPERASI	AKTIVITI KOPERASI
1.	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)	https://www.jimatshop.com/ https://www.jimatbiz.com/
2.	Koperasi Tanjong Keramat Malaysia Berhad	https://mysinbad.com
3.	Koperasi Kakitangan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Berhad	https://koppemall.my
4.	Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad	http://kohilal.net/shop/
5.	Koperasi Wena Selangor Berhad	https://www.kowenamall.com.my/
6.	Koperasi Universiti Putra Malaysia Berhad	https://beli.kuputra.com/
7.	Koperasi Tenaga Nasional Berhad	https://mysenang.my/
8.	Koperasi Kakitangan Petronas Berhad	https://singgahbeli.com.my/
9.	Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad	https://kohijrahmall.klikzen.com/
10.	Koperasi Tenaga Dan Petroliaam Berhad	https://www.cartsini.my/marketplace

Bagi membantu dan menggalakkan koperasi untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan secara dalam talian, SKM telah mengambil inisiatif dengan memberi bantuan kewangan yang dinamakan PROGRAM DAGANG PRODUK/ PERKHIDMATAN KOPERASI ATAS TALIAN (e-DAPAT).

OBJEKTIF GERAN BANTUAN E-DAPAT:

- Meningkatkan aksesibiliti dan ketersediaan produk/ perkhidmatan koperasi secara dalam talian.
- Meningkatkan jualan dan potensi jualan produk/ perkhidmatan koperasi.

- iii) Memperkenal dan mempromosikan produk/perkhidmatan koperasi.
- iv) Meningkatkan pengetahuan koperasi mengenai keperluan perundangan dalam memasarkan produk/perkhidmatan koperasi.

SYARAT PENYERTAAN / KRITERIA KELAYAKAN PROGRAM e-DAPAT

- i) Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993;
- ii) Undang undang kecil koperasi (UUK) membenarkan koperasi menjalankan aktiviti yang diceburi;
- iii) Mempunyai pengurusan dan pentadbiran yang baik dan

- memuaskan;
- iv) Mematuhi perundangan koperasi (Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan koperasi dan GP);
- v) Mematuhi undang-undang lain yang berkaitan bagi melaksanakan aktiviti perniagaan;
- vi) Mempunyai produk/perkhidmatan yang dibuat/dikeluarkan/diedarkan/ditawarkan oleh koperasi;
- vii) Mengemukakan lesen/sijil tertentu yang membuktikan ketulenan/kesahihan/keselamatan produk/perkhidmatan koperasi; dan
- viii) Syarat-syarat lain yang berkaitan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

KUANTUM DAN SKOP PROGRAM e-DAPAT

KUANTUM BANTUAN



Geran bantuan sehingga RM20,000 kepada koperasi yang layak

SKOP BANTUAN



Bantuan yang diluluskan di bawah program ini adalah bagi membiayai kos penyediaan bahan promosi, pemasaran dan pengiklanan produk/perkhidmatan koperasi secara atas talian, bayaran fi penyertaan platform atas talian serta *on-board training* dan lain-lain kos yang berkaitan.

MEKANISME PELAKSANAAN PROGRAM e-DAPAT





TADBIR URUS

Objektif utama penubuhan sesuatu koperasi adalah untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat melalui nilai-nilai persaudaraan dan saling membantu.

Di Malaysia, koperasi merupakan salah satu platform ekonomi yang digunakan oleh lebih 6 juta rakyat terutamanya golongan B40, untuk meningkatkan ekonomi mereka. Fokus koperasi bukan sahaja untuk menghasilkan keuntungan bagi diagihkan kepada anggotanya, tetapi juga untuk mengharmonikan ekonomi anggota menerusi pelbagai insentif lain seperti menjual barangan keperluan dengan harga yang jauh lebih murah dari pasaran, memberik dana pinjaman dengan mudah, pantas dan rendah faedahnya, dan sebagainya.

Tahun demi tahun, pelbagai model perniagaan telah dibangunkan oleh koperasi bagi tujuan tersebut. Namun begitu, segala usaha tidak akan mendatangkan hasil sekiranya koperasi gagal memperkasakan tadbir urus mereka. Tadbir urus yang baik dan menyeluruh dalam sesuatu koperasi adalah perlu bagi mengekalkan prestasi keberuntungannya. Impak tadbir urus yang baik dapat dilihat kepada pencapaian sesuatu koperasi. Jika dilihat, 100 koperasi terbaik di Malaysia bagi tahun 2022 dilihat mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan 27, Akta Koperasi 1993.

Seperti perniagaan-perniagaan yang lain, nilai-nilai dan sifat profesional semua pihak dalam mengurus dan menjalankan perniagaan dapat memberi impak yang besar terhadap pencapaian sesuatu perniagaan tersebut.



Usaha untuk memperkasakan tadbir urus yang baik oleh koperasi bukan hanya tanggungjawab koperasi itu semata-mata. Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua. Satu peristiwa buruk dalam mana-mana koperasi, akan memburukkan kepercayaan rakyat terhadap gerakan koperasi seluruhnya. Oleh itu, langkah mewujudkan federasi juga dianggap sebagai usaha dalam meningkatkan tadbir urus dan kompetensi koperasi terutamanya koperasi asas yang lain. Dengan mengelompokkan kesemua koperasi asas mengikut aktiviti perniagaannya di bawah satu federasi, dan mewujudkan satu prosedur operasi standard yang lebih khusus mengikut bidang ekonomi dapat membantu menambahkan satu lagi

lapisan pentadbiran yang baik kepada koperasi.

Model yang sama turut diimplementasikan di negara luar seperti Korea yang dilihat berjaya meningkatkan tadbir urus dan daya saing koperasi-koperasi di sana. Sebagai contoh, National Agricultural Cooperative Federation (NACF) berjaya menggandakan aset mereka yang berjumlah KRW32.6 billion (bersamaan US\$30 million) pada 1961 kepada KRW23.4 trillion (bersamaan US\$2.1 billion) pada 2000. Ini membuktikan bahawa federasi mampu mengukuhkan tadbir urus sesuatu koperasi selain meningkatkan daya saing dan kebolehan ekonomi mereka.

BAB 5 DASAR DAN PROSPEK 2022

Pengenalan ◀
Pemulihan Ekonomi Sektor Koperasi ◀
Penutup ◀

BAB 5

DASAR DAN PROSPEK 2022

PENGENALAN

Kepelbagaian strategi dan inisiatif pemulihan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan khususnya pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada tahun 2021 memberi sinar baharu kepada ekonomi Malaysia yang telah menunjukkan pertumbuhan yang positif pada kadar 3.1% berbanding penguncupan 5.5% pada tahun 2020.

Pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berperingkat semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kepantasan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) merupakan strategi yang berkesan dalam memastikan perkembangan aktiviti ekonomi.


Selain itu, pelaksanaan lapan (8) pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion sejak 2020 serta langkah

Belanjawan 2021 yang bertujuan mengurangkan kesan ke atas isi rumah dan perniagaan juga menyumbang kepada pertumbuhan tersebut.

PEMULIHAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI MELALUI PELAKSANAAN INISIATIF JANGKA PENDEK

Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dengan nilai keseluruhan pakej berjumlah RM150 bilion merupakan antara pakej rangsangan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi memulihkan semula sektor ekonomi. Pembangunan sektor koperasi diperkukuhkan melalui pelaksanaan Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi dengan peruntukan dana berjumlah RM20 juta yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 28 Jun 2021 semasa memperkenalkan Pakej PEMULIH tersebut sebagaimana Rajah 5.1.

Rajah 5.1: Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi



Prestasi Pelaksanaan Pemberian Bantuan PEMULIH 2021

Pelaksanaan program yang dirancang disokong oleh peruntukan dana bagi merancakkan semula aktiviti ekonomi sektor koperasi yang terjejas semasa pandemik COVID-19. Pada tahun 2021, kerajaan memperuntukkan dana bagi membiayai pelaksanaan empat (4) program tersebut dengan matlamat memastikan sektor koperasi kekal relevan dan lestari kepada pembangunan

ekonomi negara. SKM menasarkkan dana berjumlah RM20 juta tersebut diagihkan kepada koperasi yang layak sepanjang tahun 2021 dan 2022 bagi meningkatkan semula aktiviti penjaan pendapatan serta memberi manfaat kepada anggota dan penduduk setempat bagi menikmati kemudahan yang ditawarkan. Jadual 5.1 menunjukkan prestasi pelaksanaan pemberian bantuan PEMULIH bagi tahun 2021:

Jadual 5.1: Prestasi Pelaksanaan Pemberian Bantuan PEMULIH 2021

PROGRAM	SAIZ DANA	STATUS 2021
Program Penubuhan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR)	RM5 juta	Sasaran: 50 koperasi (pelaksanaan bermula Januari 2022)
Program Jualan Koperasi Prihatin Rakyat (JKPR)	RM3 juta Sasaran: 200 koperasi	Peruntukan: RM3 juta Pencapaian: RM3 juta (235 koperasi) STATUS: SELESAI
Program Transformasi Ekonomi Gerakan Koperasi (TRANSFER)	RM10 juta	Peruntukan: RM10 juta Kelulusan 2021: RM7,223,896 (118 koperasi)
Program Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT)	Sasaran: 100 koperasi RM2 juta	Pembayaran: RM7,223,896 (118 koperasi) Sasaran: 100 koperasi (pelaksanaan bermula Januari 2022)

Antara perkara utama yang difokuskan dalam Belanjawan 2022 yang diumumkan oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia pada 29 Oktober 2021 adalah sokongan kerajaan kepada sektor koperasi bagi meneruskan pelaksanaan Program Transformasi Gerakan Koperasi (TRANSFER) melalui peruntukan berjumlah RM10 juta bagi memulihkan aktiviti koperasi yang terjejas dan RM30 juta bagi Program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi. Fokus utama program ini adalah bagi mengembalikan keupayaan dan memastikan kelangsungan perniagaan sektor koperasi terutama ketika pasca pandemik.

PEMULIHAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI MELALUI PELAKSANAAN INISIATIF JANGKA SEDERHANA DAN PANJANG

Kerajaan komited untuk meneruskan agenda transformasi dan pemerkasaan koperasi melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan pelan tindakan jangka sederhana dan panjang melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025. Sektor koperasi merupakan antara industri penting yang memberi sumbangan dalam memulihkan ekonomi negara. Justeru, Kerajaan menyediakan beberapa inisiatif sepanjang tempoh 2021-2025 bagi memastikan keupayaan sektor koperasi terpelihara dan kekal berdaya saing.



Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12)

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) merupakan agenda transformasi yang dirangka dengan tujuan utama untuk menangani isu semasa dan pada masa sama, memulih serta merancakkan semula pembangunan sosioekonomi Malaysia untuk kemampanan dan kemakmuran jangka panjang. Kesejahteraan rakyat menjadi asas dalam menstrukturkan semula ekonomi negara dengan pelbagai agenda besar yang dirangka oleh kerajaan untuk mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat dan menjana semula serta merancakkan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang dijangka mengubah landskap pembangunan negara bagi tempoh lima (5) tahun akan datang untuk mencapai sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan yang bertunjangan tiga (3) tema, empat (4) pemangkin dasar dan 14 pamacu perubahan sebagai yang dijelaskan dalam Rajah 5.2 dan Rajah 5.3. Pada akhirnya RMKe-12 akan membolehkan seluruh Keluarga Malaysia melangkah ke hadapan dengan menstruktur semula ekonomi negara sebagai asas kepada kesejahteraan rakyat dengan objektif 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan' dan secara keseluruhannya Malaysia mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pelaksanaan RMKe-12 bakal merancakkan landskap keusahawanan yang terencat hampir dua (2) tahun ekoran pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara. Semua kategori usahawan termasuk mikro, kecil dan sederhana (PMKS), koperasi, perusahaan sosial dan juga usahawan tidak formal akan dibantu melalui pelbagai inisiatif dan insentif yang digariskan dalam RMKe-12. RMKe-12 menggariskan strategi bagi mewujudkan usahawan yang inovatif dan mampan, menggalakkan penyertaan inklusif melalui PMKS, koperasi dan persatuan berasaskan pertanian serta mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan menyeluruh. Melalui strategi yang digariskan itu, kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif keusahawanan berteraskan akses kepada peluang pembiayaan, adaptasi teknologi dan digitalisasi, pembangunan kapasiti dan akses pasaran.

SKM bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) amat komited memperkasakan agenda melahirkan bangsa usahawan selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia yang digagaskan Perdana Menteri dan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030). Kejayaan pelaksanaan strategi RMKe-12 akan merealisasikan hasrat untuk melahirkan Keluarga Malaysia yang seimbang dan dinamik serta progresif bagi mencapai matlamat transformasi ekonomi yang inklusif.

Rajah 5.2: Tema dan Pemangkin Dasar RMKe-12



Rajah 5.3: Pemacu Perubahan RMKe-12

14 PEMACU PERUBAHAN RMKe12

I Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan Dan Transformasi	II Memungkinkan Industri Strategik Dan Berimpak Tinggi Bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi	III Mentransformasi Perusahaan Sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan	IV Memantapkan Keselamatan Dan Perpaduan Negara Bangsa	V Memperkuh Sistem Penjagaan Kesihatan Bagi Memastikan Negara Yang Sihat Dan Produktif
VI Mentransformasi Pendekatan Bagi Membasmi Kemiskinan Tegar	VII Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun Terutama Sabah Dan Sarawak Bagi Merapatkan Jurang Pembangunan	VIII Menerima Guna Ekonomi Kitaran	IX Mempergiat Penerimgunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu	X Menambah Baik Ekosistem TVET Bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan
XI Meningkatkan Ketersambungan Digital Untuk Pembangunan Inklusif	XII Menjajarkan Penyelidikan Dan Pembangunan Untuk Pengkomersialan, Penajaan Kekayaan Dan Pertumbuhan Ekonomi	XIII Mentransformasi Ekosistem Logistik Bagi Meningkatkan Kecekapan	XIV Mentransformasi Perkhidmatan Awam Melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan	

Agenda Transformasi Sektor Koperasi Dalam RMKe-12

Peranan sektor koperasi dalam menjayakan matlamat RMKe-12 diperincikan secara nyata dalam Tema 1: Menjana Semula Ekonomi dan Tema 2: Memperkuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti. Ini jelas membuktikan sektor koperasi mempunyai tanggungjawab sebagai pemacu pertumbuhan baharu ekonomi Malaysia dan peralihan pasaran domestik kepada pasaran global. Sektor koperasi yang berpaksikan kepada keusahawanan berperanan membantu meningkatkan daya saing dan ekosistem perniagaan sekaligus meningkatkan sumbangan koperasi kepada ekonomi Malaysia. Anjakan transformasi koperasi dalam penerimgunaan teknologi dan pendigitalan bagi mengamalkan norma baharu dalam aktiviti perniagaan serta meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera. Di samping penjana ekonomi, sektor koperasi turut berperanan dalam memperkuh sistem penjagaan kesihatan bagi memastikan negara yang sihat dan produktif, mentransformasi pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar, serta menggandakan pertumbuhan negeri kurang membangun terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi merapatkan jurang pembangunan.

Beberapa hala tuju RMKe-12 berkaitan sektor koperasi telah dikenalpasti dalam pelan ini yang disusuli strategi kukuh untuk memperkasakan koperasi sebagai sektor ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan Negara dan memperkuh kemakmuran serta kesejahteraan Malaysia. Dalam jangka masa panjang, sektor koperasi menjadi industri mustahak yang memacu kepada pertumbuhan negara. Transformasi sektor koperasi merupakan antara projek game changer di bawah RMKe-12 untuk meningkatkan daya saing dan sumbangan segmen ini kepada pembangunan ekonomi negara.

Lima (5) aktiviti ekonomi iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pembinaan, terus memacu pertumbuhan ekonomi, menyediakan pekerjaan kepada rakyat dan menjana pendapatan daripada eksport. RMKe-12 secara jelas menyebut sektor koperasi terutamanya berteraskan pertanian mempunyai peranan dalam pelaksanaan agenda transformasi ekonomi. Rajah 5.4 menunjukkan strategi pelaksanaan RMKe-12 yang dirangka untuk merancakkan ekosistem sektor koperasi. Sebagai rumusan, pelaksanaan strategi tersebut dikelaskan kepada beberapa aktiviti ekonomi utama untuk mencapai matlamat akhir RMKe-12.

Rajah 5.4: Strategi berkaitan koperasi di bawah RMKe-12 mengikut aktiviti ekonomi**PERTANIAN**

Petani serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian akan digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian

Kerjasama antara syarikat e-dagang serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian akan diwujudkan bagi membolehkan petani luar bandar menyertai pasaran dalam talian

Pendekatan ladang kontrak akan diperluas dengan penglibatan syarikat peneraju atau koperasi dan persatuan berkaitan pertanian untuk mewujudkan peluang pasaran yang lebih besar kepada petani, terutama bagi produk pertanian bernilai tinggi

Pelaksanaan DAN 2.0 akan membolehkan petani memodenkan aktiviti pertanian serta beroperasi dengan cekap dan berkesan melalui persatuan dan koperasi berkaitan pertanian

Dana mekanisasi dan automasi akan diperluas untuk menggalakkan penglibatan syarikat swasta serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian

PERIKANAN

Dalam bidang perikanan laut, koperasi dan persatuan berkaitan pertanian akan digalakkan untuk menceburi aktiviti perikanan laut dalam dan laut lepas dengan menggunakan kapal moden dan peralatan inovatif untuk meningkatkan daya saing serta menggalakkan industri perikanan yang mampan.

BIOJISIM

Bantuan kewangan untuk perkhidmatan logistik akan disediakan bagi menarik minat syarikat dan koperasi untuk terlibat secara aktif dalam perkhidmatan logistik biojisim

KESIHATAN

Di samping itu, koperasi akan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan kepada ahli mereka

BUMIPUTERA

PMKS Bumiputera juga akan digalakkan untuk menubuhkan konsortium dan koperasi bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan untuk bersaing di sepanjang rantai bekalan

Program jangkauan mengenai tawaran awam permulaan (IPO) akan dipergiat untuk menggalakkan individu, syarikat dan koperast Bumiputera yang layak memohon Peruntukan Khas Saham Bumiputera

Inisiatif ini akan membantu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia

PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

Sokongan yang disediakan kepada PMKS akan diperluas kepada koperasi, termasuk akses kepada program, bantuan dan peluang perniagaan

KEMISKINAN

Isi rumah miskin akan digalakkan untuk terlibat dalam perusahaan sosial dan koperasi bagi meningkatkan pendapatan

TADBIR URUS

Struktur tadbir urus dan rangka kerja perundangan yang mengawal selia gerakan koperasi akan ditambah baik melalui pelaksanaan Pelan Transformasi Malaysia (TRANSKOM) 2021-2025

Tema 1: Menjana Semula Ekonomi menumpukan kepada usaha mengembalikan semula momentum pertumbuhan sektor ekonomi utama dan pada masa sama, merangsang dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta PMKS. Dalam tempoh RMKe-12, usaha bersepadu akan ditumpu untuk mencergaskan semula sektor ekonomi bagi memulihkan momentum pertumbuhan. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberi untuk melonjakkan produktiviti terutama melalui peningkatan guna pakai teknologi, memperluas pasaran eksport, memperkukuh keberkesanan ekosistem pengantaraan

kewangan, mempertingkatkan peranan kawasan perindustrian serta menambah baik dasar dan tadbir urus. Usaha untuk mengukuhkan kembali ekonomi memerlukan perubahan besar dalam pendekatan dan mekanisme pelaksanaan yang akan mentransformasi sektor dan meningkatkan prestasi ekonomi.

Hala tuju pelaksanaan strategi di bawah Tema 1, pertamanya merangkumi **Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan** adalah memberi fokus kepada usaha untuk mencergaskan semula ekonomi bagi melonjakkan

pertumbuhan produktiviti, memperluas pasaran eksport, memperkukuh keberkesanan ekosistem pengantaraan kewangan, mempertingkatkan peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan serta menambahbaik tadbir urus dan

dasar. Di bawah matlamat ini, beberapa strategi berkaitan sektor koperasi berasaskan pertanian telah dikenalpasti sebagaimana Jadual 5.2 merangkumi perkara berikut:

Jadual 5.2: Ringkasan Kandungan Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan (Berkaitan Koperasi)

PERKARA	PERINCIAN	
TEMA 1	MENJANA SEMUA EKONOMI	
BAB 2	MENGEMBALIKAN SEMULA MOMENTUM PERTUMBUHAN	
BIDANG KEUTAMAAN A : MELONJAKKAN PERTUMBUHAN PRODUKTIVITI		
Strategi	Inisiatif	Impak
A2: Beralih kepada Rantaian Nilai Lebih Tinggi	- Koperasi berasaskan pertanian digalakkan memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian dan mengurangkan kebergantungan berlebihan kepada orang tengah - Koperasi berasaskan pertanian digalakkan memanfaatkan sepenuhnya penerimgunaan teknologi melalui penyumberan luar perkhidmatan jentera dan peralatan perladangan - Koperasi berasaskan pertanian berasaskan aktiviti pertanian diberi galakan memperluas rantai nilai dengan menceburi aktiviti perikanan laut dalam dan laut lepas melalui penggunaan kapal moden dan peralatan inovatif	- Memperkukuh daya saing perniagaan dan meningkatkan produktiviti dalam semua aktiviti ekonomi - Menambahbaik operasi dan proses pengeluaran aktiviti pertanian bagi mencapai kecekapan kos dan meminumkan risiko pengoperasian akibat krisis kesihatan yang menjejaskan produktiviti - Menggalakkan industri perikanan yang mampan
A5: Meningkatkan Amalan Hijau	- Koperasi berteraskan pertanian digalakkan mempercepat penerimgunaan dan pelaksanaan amalan hijau, terutama penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP) serta menerapkan amalan hijau dalam aktiviti pertanian dengan mengaplikasi myGAP, MSPO dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) - Koperasi berkaitan pertanian digalakkan untuk memperoleh dan mengguna produk dan perkhidmatan hijau tempatan dan menyumbang kepada peluasan pasaran hijau - Koperasi berkaitan pertanian digalakkan melaksanakan ekonomi kitaran di sepanjang rantai nilai produk dan perkhidmatan serta menerapkan amalan terbaik dalam pengeluaran berskala besar bagi meningkatkan produktiviti	- Memberi impak positif kepada koperasi melalui amalan pertanian pintar dan mesra alam serta menambah baik keselamatan dan sekuriti makanan - Membina daya tahan jangka panjang, mewujudkan perniagaan yang mampan dan peluang ekonomi baharu serta memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar

BIDANG KEUTAMAAN B : MEMPERLUAS PASARAN EKSPORT		
Strategi	Inisiatif	Impak
B1: Meningkatkan Kecekapan Pasaran	- Koperasi berasaskan pertanian perlu memanfaatkan platform e-dagang bagi mempermudah penjualan produk pertanian secara terus dan meningkatkan kebolehejekan - Kerjasama antara syarikat e-dagang dan koperasi berkaitan pertanian bagi membolehkan petani luar bandar menyertai pasaran dalam talian - Koperasi berkaitan pertanian digalakkan menggunakan platform e-dagang untuk meningkatkan eksport dan menembusi pasaran baharu bagi menambahbaik kecekapan pasaran dan mencegah manipulasi harga oleh orang tengah melalui platform bidaan dalam talian bagi produk pertanian	- Mewujudkan pasaran yang lebih cekap dan dinamik, mendorong produktiviti yang lebih tinggi dan meningkatkan akses pasaran bagi petani - Mewujudkan peluang pasaran yang lebih besar kepada petani, terutama bagi produk pertanian bernilai tinggi bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi
Strategi B2: Memperkasa Industri Untuk Bersaing Dalam Pasaran Domestik dan Antarabangsa	- Koperasi berkaitan pertanian digalakkan menjalinkan kerjasama dalam kalangan industri serta memantapkan keupayaan dan kemampuan pemain industri untuk meningkatkan sumbangan dalam pasaran eksport - Penglibatan koperasi berasaskan pertanian melalui pendekatan ladang kontrak akan diperluas untuk mewujudkan peluang pasaran yang lebih besar kepada petani terutama bagi produk pertanian bernilai tinggi	- Meningkatkan daya saing dan kemampanan industri tempatan termasuk koperasi - Membolehkan industri termasuk koperasi menyertai pasaran domestik dan antarabangsa secara berkesan
BIDANG KEUTAMAAN E : MENAMBAH BAIK DASAR DAN TADBIR		
Strategi	Inisiatif	Impak
E3: Memperkukuh Dasar dan Perundangan	- Penglibatan koperasi aktiviti pertanian melalui penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi moden dalam subaktiviti agromakanan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan serta peningkatan sekuriti makanan di Malaysia - Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) dirangka bagi menetapkan hala tuju dan sasaran baharu untuk meningkatkan produktiviti, memperkukuh aktiviti hiliran dan menggalakkan pertumbuhan industri baharu	- Membolehkan petani melalui sektor koperasi memodenkan aktiviti pertanian serta beroperasi dengan cekap dan berkesan - Menguatkan tadbir urus, dasar dan perundangan yang komprehensif untuk memastikan kesemua sektor ekonomi lebih produktif dan berkualiti dalam memacu pertumbuhan ekonomi - Memperkukuhkan tonggak sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan yang mengurangkan kebergantungan terhadap makanan

Perkara kedua menerusi Tema 1 RMKe-12 yang mendefinisikan peranan koperasi adalah di bawah **Bab 3: Melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana**. Bab ini menggariskan inisiatif bagi meningkatkan daya saing dan mengukuhkan daya

tahan bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang dipacu oleh teknologi termaju. Inisiatif dirangka bagi melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi untuk menjana semula pertumbuhan ekonomi dalam industri elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan global1 (GS),

aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim. Tumpuan juga diberikan bagi melonjakkan beberapa pemacu pertumbuhan berpotensi dengan memanfaatkan teknologi termaju dan pendigitalan selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Pada akhir tempoh pelaksanaan RMKe-12, Malaysia akan menjadi

pemain penting dalam rantai bekalan global bagi produk dan perkhidmatan yang kompleks dan bernilai tinggi. Dalam bab ini juga inisiatif dirangka bagi mempertingkatkan keupayaan usahawan dan perusahaan yang akan memberi lonjakan positif kepada sektor koperasi di mana ia menyumbang kepada RM60 bilion pendapatan Negara. Strategi di bawah hala tuju ini yang berkaitan koperasi merangkumi perkara dalam **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3: Ringkasan Kandungan Bab 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi Serta Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (Berkaitan Koperasi)

PERKARA	PERINCIAN	
TEMA 1	MENJANA SEMUA EKONOMI	
BAB 3	MELONJAKKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI STRATEGIK DAN BERIMPAK TINGGI SERTA PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA	
BIDANG KEUTAMAAN A : MELONJAKKAN PERTUMBUHAN PRODUKTIVITI		
Strategi	Inisiatif	Impak
Strategi A7: Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar	Dana mekanisasi dan automasi diperluas untuk menggalakkan penglibatan koperasi berkaitan pertanian dalam aktiviti pertanian pintar bagi mempercepat penerimgunaan teknologi moden	Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta meminimumkan kesan terhadap alam sekitar
Strategi A8: Merealisasikan Potensi Industri Biojisim	Bantuan kewangan untuk perkhidmatan logistik disediakan bagi menarik minat koperasi untuk terlibat secara aktif dalam perkhidmatan logistik biojisim	• Koperasi menjadi antara penyumbang kepada sumber pendapatan baharu kepada negara yang dijangka meningkatkan pelaburan kepada RM10 bilion melalui industri biojisim • Industri biojisim beralih kepada menghasilkan produk berasaskan biojisim yang bernilai tinggi dan memanfaatkan sumber yang banyak tersedia • Mewujudkan pekerjaan baharu, dan melindungi alam sekitar
BIDANG KEUTAMAAN B : MEMPERTINGKAT KEUPAYAAN USAHAWAN DAN PERUSAHAAN		
Strategi B2: Menggalakkan Penyertaan Inklusif melalui PMKS, Koperasi dan Persatuan Berasaskan Pertanian	• Struktur tadbir urus dan rangka kerja perundangan yang mengawal selia gerakan koperasi akan ditambah baik melalui pelaksanaan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) 2021-2025 • Gerakan koperasi dalam kalangan B40 dan komuniti luar bandar akan terus digalakkan untuk mendorong mereka bersama-sama menggembeleng sumber terhad yang dimiliki bagi mencapai ekonomi bidangan • Koperasi akan disokong dengan akses kepada program, bantuan dan peluang perniagaan	Memperkasa sektor koperasi sebagai pemboleh daya dan pemangkin bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan

Strategi B3: Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan yang Kondusif dan Menyeluruh	• Undang-undang dan peraturan yang berkaitan akan ditambah baik bagi memastikan perniagaan dan koperasi kekal aktif	• Menggalakkan persekitaran yang menyokong pengembangan perniagaan • Mewujudkan ekosistem yang kondusif dan menyeluruh bagi menyokong meningkatkan potensi usahawan dan mempercepat pertumbuhan
--	---	--

Tema 2: Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti, RMKe-12 memberi tumpuan yang lebih untuk menangani kemiskinan dan keterangkuman selaras dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal, dalam mencapai taraf hidup yang wajar dan memastikan keadilan sosial.

Perkara pertama yang diberi perhatian berkaitan koperasi di bawah tema ini terkandung dalam **Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif** iaitu

dengan merangka strategi dan inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Strategi dan inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada keutamaan WKB 2030 yang menyokong komitmen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan makmur dengan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama merentas kumpulan pendapatan, etnik dan rantaian bekalan sejajar dengan Agenda 2030. **Jadual 5.4** menunjukkan strategi di bawah bab ini yang mengkhususkan kepada sektor koperasi:

Jadual 5.4: Ringkasan Kandungan Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif (Berkaitan Koperasi)

PERKARA	PERINCIAN	
TEMA 2	MEMPERKUKUH KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI	
BAB 5	MENANGANI KEMISKINAN DAN MEMBANGUNKAN MASYARAKAT INKLUSIF	
BIDANG KEUTAMAAN A : MENANGANI KEMISKINAN DAN MENGURANGKAN KETIDAKSAMARATAAN DARIPADA PERSPEKTIF PELBAGAI DIMENSI		
Strategi	Inisiatif	Impak
Strategi A1: Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Miskin	Isi rumah miskin digalakkan untuk terlibat dalam koperasi bagi meningkatkan pendapatan	Isi rumah miskin dapat meningkatkan ekonomi dan kebolehpasaran melalui penglibatan dalam koperasi seterusnya memastikan kemiskinan tegar dapat dibasmi pada tahun 2025
Strategi B2: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Asas untuk B40	Koperasi digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan kepada anggota mereka	Meningkatkan taraf hidup dan menambah baik akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan serta perlindungan sosial
BIDANG KEUTAMAAN D: MENCAPAI KESAKSAMAAN KEBERHASILAN BUMIPUTERA		
Strategi D4: Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampuan Perniagaan Bumiputera	PMKS Bumiputera juga akan digalakkan untuk menubuhkan koperasi bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan untuk bersaing di sepanjang rantaian bekalan	• Meningkatkan daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera dalam keusahawanan • Memperkukuh penyertaan Bumiputera dalam sektor strategik berimpak tinggi dan baharu
Strategi D7: Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan	Program jangkauan mengenai tawaran awam permulaan (IPO) akan dipergiat untuk menggalakkan koperasi Bumiputera yang layak memohon Peruntukan Khas Saham Bumiputera	Membantu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia

Perkara kedua menerusi Tema 2 yang menyentuh peranan koperasi adalah sebagaimana kandungan **Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak** yang menyenaraikan strategi dan inisiatif untuk menggalakkan keterangkuman wilayah. Antara fokus utama yang diberi perhatian adalah memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pemantapan infrastruktur,

potensi sosioekonomi akan dimanfaatkan sepenuhnya, akses perkhidmatan sosial akan ditambah baik dan pembangunan inklusif akan dipertingkatkan. Pelaksanaan langkah ini akan mengurangkan ketidaksamaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di Sabah dan Sarawak sejajar dengan matlamat WKB 2030 dan Agenda 2030. **Jadual 5.5** merupakan strategi di bawah bab ini berkaitan sektor koperasi:

Jadual 5.5: Ringkasan Kandungan Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi Di Sabah dan Sarawak (Berkaitan Koperasi)

PERKARA	PERINCIAN	
TEMA 2	MEMPERKUKUH KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI	
BAB 7	MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI SABAH DAN SARAWAK	
BIDANG KEUTAMAAN B: MENGOPTIMUMKAN POTENSI EKONOMI		
Strategi	Inisiatif	Impak
Strategi B4: Memajukan Pembangunan Luar Bandar	- Memperkukuh koperasi kampung di Sabah dan Sarawak melalui aktiviti ekonomi berasaskan komuniti dengan meneruskan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung dan Program Desa Lestari - Usaha untuk memperluas pengurusan penyatuan tanah di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan melalui kerjasama antara pekebun kecil, koperasi dan persatuan untuk menjana ekonomi bidang dalam mengoptimumkan sumber - Kerjasama di antara petani, koperasi dan persatuan akan diperkukuh untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi menambah baik pengedaran dan pemasaran hasil pertanian.	- Meningkatkan produktiviti dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan - Memudah cara usaha menanam varieti tanaman yang mempunyai hasil dan permintaan yang tinggi - Menggalakkan penglibatan komuniti luar bandar, terutama dalam kalangan generasi muda

Peruntukan Pembangunan Sektor Koperasi Di Bawah RMKe-12

Bagi memperkasakan sektor koperasi, Kerajaan telah


memperuntukkan dana berjumlah RM35 juta untuk menyokong pembangunan sektor koperasi sepanjang tempoh pelaksanaan RMKe-12 yang melibatkan dua (2) program berikut:

BIL	NAMA PROGRAM	TUJUAN	JUMLAH PERUNTUKAN
1	Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 (Bantuan Pembangunan)	Memberi kemudahan bantuan kewangan kepada koperasi yang berpotensi untuk melaksana dan memantapkan aktiviti perniagaan yang sedang dan akan dilaksanakan	RM25 Juta
2	Program Pemeriksaan Rantaian Bekalan Koperasi	Memperkasakan rantai bekalan koperasi dalam aktiviti pembedaan dan peruncitan dengan menyediakan ekosistem dan landskap perniagaan yang kondusif dengan mengukuhkan pusat pengedaran koperasi	RM10 Juta

Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan dana pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) bagi memberi kemudahan pembiayaan kepada koperasi untuk melaksanakan atau meneruskan projek-projek yang berdaya maju. Pembiayaan yang ditawarkan adalah merangkumi aktiviti untuk membiayai modal pusingan perniagaan, pemilikan bangunan dan hartanah, perladangan dan pertanian serta kenderaan. Bagi merancakkan semula

aktiviti koperasi yang terjejas akibat penutupan penuh aktiviti sosial dan ekonomi ekoran pandemik COVID-19, SKM memperkenalkan Dana Khas COVID-19 sehingga RM200,000.00 tanpa cagaran kepada semua koperasi yang layak. SKM turut memberi kemudahan moratorium kepada koperasi yang terkesan daripada pandemik COVID-19 bagi tempoh selama enam (6) bulan.

Rajah 5.5: Pembiayaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM)



Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 Mac 2021. TransKoM 2021-2025 merupakan dokumen

strategik yang menggariskan langkah-langkah transformasi bagi memperkasakan sektor koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

FASA TRANSFORMASI

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 dijangka mampu memperkasakan Gerakan Koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

Bagi memastikan hala tuju pelan berkenaan memenuhi matlamat yang telah ditetapkan, transformasi ini akan melalui tiga (3) fasa utama.



5 BIDANG TUJAHAN	PENERAPAN NILAI KEMAKMURAN BERSAMA	PEWANTAPAN SISTEM PERUNDANGAN DAN STRUKTUR GOVERNAN	PENGUKUHAN BAKAT DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN	PEMBENTUKAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG MAMPAK DAN LESTARI	PEMERKASAAN BADAN INDUK DAN SISTEM PENYAMPAIAN
20 LANGKAH STRATEGIK	1. Memasyarakatkan Gerakan Koperasi 2. Memperkasakan koperasi sebagai Perusahaan Sosial (SE) 3. Meningkatkan tahap sosioekonomi dan kesejahteraan anggota koperasi 4. Mengoptimalkan Kumpulan Wang Koperasi (KWAP)	1. Meliberasikan perundangan koperasi 2. Memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang pengawal selia 3. Mewujudkan Sistem Semak dan Imbang 4. Memperkukuh peranan dan akauntabiliti Koperasi Puncak (APEX)	1. Memperkasakan program latihan dan pembangunan kapasiti 2. Menarik minat golongan profesional sera golongan belia 3. Melaksanakan Cross Fertilization Programme/ Program Latihan Industri/ Program Sangkutan 4. Memantapkan Program Intervensi Bersasar kepada koperasi mikro	1. Menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi 2. Meningkatkan sokongan dan fasiliti kepada Koperasi untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu (<i>New Growth Areas</i>) 3. Membentuk persekitaran yang kondusif bagi penggabungan koperasi 4. Memperkukuhkan jalinan kerjasama strategik sesama koperasi dan di antara pihak industri, kementerian dan agensi serta pihak berkepentingan yang lain	1. Memperkasakan peranan SKM sebagai agensi induk kawal selai dan pembangunan koperasi 2. Memperkasakan peranan IKM sebagai Sebuah institusi pendidikan tinggi 3. Mendigitalisasikan operasi dan sistem penyampaian koperasi 4. Menambahbaik sistem pengumpulan, pengurusan dan pengukuran data
36 AKTIVITI	5 AKTIVITI	6 AKTIVITI	7 AKTIVITI	11 AKTIVITI	7 AKTIVITI
30 KPI	1. Peningkatan penubuhan koperasi altruis 2. Pembangunan Indeks Gerakan Koperasi (IGK) 3. Peningkatan sumbangan koperasi terhadap pembangunan sosioekonomi dan dalam sekitar melalui bacaan IGK 4. Pembangunan Indeks 5. Kesejahteraan Anggota (IndeKA) 6. Peningkatan IndeKA 7. Peningkatan pengagihan KWAP secara bersasar	1. Pindaan Akta Koperasi 1993 dimuktamadkan 2. Penurunan bilangan koperasi tidak aktif dan dormant 3. Penurunan bilangan NPL dalam kalangan koperasi 4. Penurunan bilangan kes ketidakpatuhan / mismanagement <i>misappropriation of fund</i> salah guna kuasa 5. Peningkatan kadar pertumbuhan Koperasi Puncak	1. Pembangunan Modul Latihan Pemerkasakan ALK, anggota dan Pengurusan Koperasi (i-MAN) 2. Peningkatan ALK memiliki sijil profesional yang dikira 3. Pewujudan TOR Jawatankuasa Pencarian (i-SEARCH) 4. Peningkatan bilangan ahli ALK dalam golongan profesional dan belia 5. Peningkatan bilangan Ahli Pengurusan Koperasi yang menyertai <i>Cross Fertilization Programme/</i> Program Latihan Industri/ Program Sangkutan 6. Peningkatan program koperasi secara bersasar.	1. Peningkatan Sumbangan koperasi kepada KDNK. 2. Peningkatan pembiayaan autimasi dan digitalisasi sama ada dalam bentuk geran ataupun pinjaman 3. Penubuhan pusat Sehati Koperasi secara fizikal dan virtual 4. Pembangunan platform padanan perniagaan koperasi 5. Peningkatan bilangan koperasi menceburi bidang pertumbuhan baharu 6. Peningkatan bilangan federasi koperasi 7. Peningkatan bilangan MoU kerjasama strategik	1. Pindaan Akta SKM 2007 dimuktamadkan 2. Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Transformasi SKM 3. Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Transformasi IKM 4. Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Digitalisasi Koperasi 5. Perwujudan Klasifikasi Koperasi yang selari dengan standard klasifikasi di peringkat nasional dan antara bangsa 6. Penubuhan Pusat Repositori Makluman Koperasi

TransKoM 2021-2025 memperuntukkan lima (5) Bidang Tujahan yang mengandungi beberapa langkah strategik dan program utama. Antara Bidang Tujahan yang diberi fokus bagi agenda transformasi koperasi sepanjang tempoh lima (5) tahun tersebut adalah menyediakan **Bidang Tujahan 2: Pemantapan Sistem Perundangan dan Governan** dan **Bidang Tujahan 4: Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari**.

Matlamat TransKoM 2021-2025 adalah mewujudkan sistem perundangan dan kawal selia yang membangun serta memudahkan. Beberapa aktiviti di bawah program utama yang terkandung dalam Bidang Tujahan 2 dilaksanakan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Bagi mencapai matlamat tersebut, antara perkara utama yang diberi fokus adalah **meliberalisasikan perundangan dan tadbir urus**. SKM meneruskan usaha menambah baik sistem perundangan koperasi sedia ada bermula Fasa 2 pelaksanaan TransKoM 2021-2025. Pindaan Akta Koperasi 1993 kali terakhir yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2021 melibatkan sembilan (9) peruntukan telah memberi impak positif kepada masyarakat terutama sektor koperasi. Pindaan tersebut juga mempermudah

operasi perniagaan koperasi dan mewujudkan koperasi yang berkualiti serta dinamik. Syarat pendaftaran koperasi yang lebih mudah telah menggalakkan masyarakat terutamanya golongan kumpulan sasar khusus seperti B40 untuk menyertai keusahawanan bagi menjana pendapatan melalui instrumen koperasi. Pada tahun 2022, program Pindaan Akta Koperasi 1993 di bawah Bidang Tujahan 2, TransKoM 2021-2025 dimulai dengan kajian perundangan yang dilaksanakan oleh pasukan pakar yang telah dilantik sebelum penggubalan peruntukan pindaan Akta Koperasi 1993.

Di bawah Bidang Tujahan 4, matlamat akhir yang disasarkan adalah mewujudkan model perniagaan baharu berteraskan teknologi dan pengetahuan. Pelbagai aktiviti di bawah program utama menerusi Bidang Tujahan ini sedang dilaksanakan bagi memastikan kelestarian sektor koperasi dalam menjalankan perniagaan. Beberapa inisiatif dan bantuan kewangan disediakan bagi menyokong pelaksanaan strategi yang digariskan. **Jadual 5.7** merupakan perincian program di bawah Bidang Tujahan 4 bagi mengekang pertumbuhan ekonomi koperasi:

Jadual 5.7: Perincian Program di Bawah Bidang Tujahan 4 TransKoM 2021-2025

PERKARA	PROGRAM TRANSKOM
Akses Pembiayaan	- Meningkatkan pembiayaan bersasar koperasi melalui SKM, Bank Rakyat dan Bank koperasi. Pembiayaan bersasar kepada koperasi akan dapat menyumbang kepada peningkatan sumbangan koperasi kepada KDNK Negara - Menyediakan pembiayaan alternatif seperti platform <i>crowdfunding</i> dan <i>peer to peer</i> (P2P) ataupun koperasi kepada koperasi. Melalui platform ini koperasi dapat mengembangkan sesebuah koperasi menjadi lebih fokus dalam melaksanakan sesuatu aktiviti yang memberi impak berkesan kepada <i>turnover</i> koperasi - Menyediakan pembiayaan automasi dan digitalisasi sama ada dalam bentuk geran atau pun pinjaman
Akses Pasaran	- Mewujudkan Pusat Sehati Koperasi secara fizikal dan <i>virtual</i> - Mempergiat program promosi dan pemasaran produk koperasi di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa - Membangunkan platform padanan perniagaan (<i>business matching</i>) koperasi
Pembudayaan dan Penggalakan	Menyediakan insentif dalam pelbagai bentuk bagi menggalakkan penggabungan koperasi
Promosi dan Publisiti	- Melaksanakan kerjasama strategik antara koperasi, kementerian, agensi, industri, dan pihak berkepentingan - Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti <i>Young Entrepreneur Strive For Success</i> (YESS), Program Pembangunan KIOSK, Program Penubuhan Taska, Program Pemerksaan Orang Asli, Program Pemerksaan Wanita, Program Pemerksaan IPT dan Belia, Program Pemerksaan Kariah Masjid dan Program Pengantarabangsaaan Koperasi.


Pembangunan Kapasiti	- Mengenalpasti dan menilai keupayaan serta kebolehlaksanaan koperasi dalam bidang pertumbuhan baharu - Memberikan latihan, <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> bagi koperasi terpilih
Adaptasi Teknologi dan Digitalisasi	Membangunkan program adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak industri

PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN KERJASAMA ANTARA KOPERASI MELALUI FEDERASI KOPERASI

Pewujudan federasi koperasi yang selaras dengan Prinsip Koperasi Yang Keenam iaitu Kerjasama Antara Koperasi telah pun dicadangkan seawal tahun 2020 dan diperkasa pelaksanaannya bermula tahun 2021. Secara umumnya, federasi koperasi merupakan satu inisiatif strategi kepada

gerakan koperasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan yang berskala lebih besar melalui pengumpulan modal, kepakaran, dan tenaga kerja. Pada peringkat domestik pula, ini merupakan satu usaha bersepadu dan proaktif yang diambil untuk melonjakkan produktiviti koperasi bagi memacu pertumbuhan pendapatan semasa, mengukuhkan kedudukan fiskal dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Rajah 5.6: Justifikasi Pengenalan Federasi Koperasi



Rajah 5.7: Objektif Penubuhan Federasi



Rajah 5.8: Fungsi Dan Peranan Federasi Koperasi



Rajah 5.9: Kelebihan Federasi Koperasi



Rajah 5.10: Peranan SKM Dalam Memudah Federasi Koperasi



Rajah 5.11: Pelan Tindakan Pengoperasian Federasi Koperasi



Rajah 5.12: Cadangan Aktiviti Perniagaan Federasi Koperasi



Jadual 5.8: Kronologi Penubuhan dan Pendaftaran Federasi Koperasi

FEDERASI KOPERASI	TARIKH DAFTAR	BILANGAN ANGGOTA PADA 31/12/2021
Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad	1 April 2021	10
Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad	1 April 2021	4
Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad	1 April 2021	12

Federasi Koperasi Perladangan Malaysia Berhad	1 April 2021	12
Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad	1 April 2021	14
Federasi Koperasi Hartanah dan Industri Pembinaan Malaysia Berhad	28 Oktober 2016 3 Mei 2021 (Pindaan UUK)	31

Prospek Pengoperasian dan Perancangan Perniagaan Federasi Koperasi 2022

Pasca pandemik merupakan tempoh kebangkitan semula ekonomi setelah mengalami kekejutan kesan daripada kelumpuhan pengoperasian sektor ekonomi. Fasa pemulihan negara menyaksikan pergelutan untuk menstabilkan semula sektor utama ekonomi termasuk pertumbuhan koperasi.

Prospek pemulihan ekonomi negara bagi 2022 telah diunjur dengan lebih rendah berikutan gangguan rantai bekalan, harga komoditi global serta dasar monetari yang telah meningkat. Gelombang kedua COVID-19 pada suku ketiga tahun 2021 pula telah melambatkan pemulihan ekonomi negara dan menyebabkan gerakan koperasi perlu bertindak dengan lebih proaktif bagi mengatasi permasalahan ini.

Bertepatan dengan keperluan semasa, federasi koperasi dijangka mampu untuk membantu gerakan koperasi sedia ada dalam memulihkan perniagaan secara berfokus.

Suruhanjaya juga telah mengeluarkan satu garis panduan baharu yang dikaji bersesuaian dan merangkumi aspek pembangunan federasi koperasi dengan hala tuju lebih jelas. GP20A: Garis Panduan Penubuhan dan Pengoperasian Federasi ini telah ditandatangani dan mula berkuatkuasa pada 4 Jun 2021.

Jadual 5.8: Strategi Pelan Perniagaan Federasi Koperasi

FEDERASI	STRATEGI
Pertanian dan Industri Asas Tani	1. Pemerksaan koperasi dalam aktiviti pertanian dan industri makanan dengan membantu menjamin bekalan makanan (<i>food security</i>) 2. Memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian terutamanya petani luar bandar bagi mengelakkan keciciran pendigitalan 3. Menjalinkan kerjasama dengan pihak berkaitan untuk menjalankan tanaman kekal pengeluaran makanan 4. Melibatkan federasi dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran makanan 5. Mewujudkan peluang pasaran yang lebih besar kepada petani terutama produk pertanian bernilai tinggi

Selaras dengan peranan dan tanggungjawab yang telah digariskan, federasi koperasi digesa untuk bertindak dengan lebih segera dalam merancang dan memulakan pelan strategi perniagaan. Sebagai contoh, laporan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa aktiviti pertanian telah mencatatkan penguncupan bagi tahun 2021 dan diterajui oleh pengeluaran ternakan manakala secara keseluruhannya, aktiviti agromakanan mencecah 55.3% daripada jumlah pertanian. Kerajaan juga telah memperuntukkan dana sebanyak RM500 juta di bawah “Skim Agro Food Facilities” bagi menggalakkan pengeluaran bahan makanan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Melihat kepada dasar kerajaan yang menyokong dan menggalakkan pembangunan semula ekonomi negara, federasi koperasi pertanian ini sewajarnya mengambil peluang sekaligus dapat menyampaikan manfaat kepada koperasi anggota.

Di samping itu, selain daripada mendapatkan bantuan dan insentif terus daripada kerajaan, federasi koperasi hendaklah merangka strategi tersendiri dan menggembelng usaha khususnya dalam mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang meliputi sasaran keanggotaan, penyediaan peluang pekerjaan dan sumbangan perolehan. Jadual 5.8 di bawah merupakan cadangan strategi pelan perniagaan federasi koperasi mengikut aktiviti ekonomi utama:

Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan	1. Menyediakan platform dan hub untuk melaraskan standard dan pusat akreditasi bagi aktiviti pelancongan 2. Berfungsi sebagai “one stop centre” sebagai rujukan koperasi dalam pelancongan 3. Menyediakan khidmat dan latihan berkenaan aktiviti pelancongan 4. Menjadi pusat pengurusan pembekal untuk pembekalan barangan keperluan perniagaan dan penjagaan diri 5. Menyediakan pakej perniagaan seperti spa, gimnasium, dan produk kecantikan kepada koperasi Penjagaan Diri
Pemborongan dan Peruncitan	1. Mengutamakan pembangunan Pusat Pengedaran Utama [Central Distribution Center (CDC)] 2. Meningkatkan tahap penguasaan rantai bekalan makanan (<i>supply-chain</i>) koperasi bermula daripada “Producer to end user” 3. Bertindak sebagai <i>Centre of Excellence</i> dan pakar rujuk kepada koperasi anggota yang memerlukan khidmat nasihat dan bimbingan dalam menjalankan urusan perniagaan harian
Perladangan	1. Membangunkan ladang dengan menggunakan kaedah optimum 2. Menyediakan pusat latihan industri anggota-anggota disamping menjana pendapatan federasi 3. Menjadi pemudah cara koperasi untuk merekrut pekerja ladang berikutan berlakunya kekurangan tenaga kerja swasta
Perkhidmatan Kewangan	1. Menjalankan program yang berfokus kepada penyediaan kecairan (<i>liquidity/suylah</i>) dan perlindungan (<i>takaful</i>) kepada anggota 2. Menawarkan infra dan ilmu kepada anggota. 3. Menyediakan khidmat penasihat perniagaan, kewangan dan syariah
Hartanah	1. Berfungsi sebagai pemaju dengan pembinaan tanah secara berskala besar dan pemecahan lot 2. Menjadi sumber utama pembekalan bahan binaan kepada koperasi anggota 3. Memacu dalam pemilikan hartanah dan menjadi pemudah cara kepada koperasi anggota untuk memajukan tanah-tanah koperasi 4. Menyediakan khidmat konsultasi kepada koperasi anggota 5. Menggabungkan kepakaran koperasi terlibat dalam bidang hartanah dan industri binaan

Jadual 5.8: Strategi Pelan Perniagaan Federasi Koperasi

Tuntasnya, federasi koperasi mempunyai peranan yang sangat besar dalam perkembangan gerakan koperasi di Malaysia. Ia juga merupakan pemudah cara kepada penglibatan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi yang mempunyai peranan signifikan dalam pelbagai dasar utama kerajaan seperti Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), Dasar Agromakanan Negara 2.0 dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

Fokus dan sokongan yang berterusan terhadap federasi koperasi ini perlu diperkasakan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaannya sentiasa berdaya saing dan berkualiti serta mencapai objektif utama iaitu membina kerjasama dalam kalangan koperasi-koperasi.

PENUTUP Prospek 2022

Dalam usaha menjadikan sektor koperasi sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi negara bagi mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan makmur, fungsi dan peranan koperasi turut dimanfaatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) melalui inisiatif melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Selaras dengan itu, SKM telah melantik satu perunding yang bertauliah bagi Kajian Pembangunan Dasar Koperasi Malaysia (DKM) 2030 pada 28 Oktober 2021. Pelaksanaan kajian adalah

bermula 11 November 2021 sehingga 31 Disember 2022. Pembangunan DKM 2030 ini merupakan kesinambungan pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dan juga merupakan teras kepada pelaksanaan TransKoM 2021-2025 dalam merealisasikan pencapaian matlamat Dasar Keusahawanan Nasional 2030 serta menyumbang kepada aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan matlamat RMKe-12. DKM 2030 yang akan dibangunkan akan menangani isu dan cabaran dalam negara serta disesuaikan dengan arah aliran global. Selain itu, ia akan menentukan model pertumbuhan koperasi di Malaysia pada masa hadapan supaya

ia dapat ditingkatkan dan berkembang maju dalam perubahan ekonomi yang tidak menentu.

Kajian Perundangan Koperasi Malaysia juga merupakan salah satu perancangan SKM. Kajian ini akan dilaksanakan bagi mengkaji semula sistem kawal selia sektor koperasi termasuk Akta, Peraturan-peraturan dan perundangan subsidiari yang lain bagi mengukuhkan peranan, fungsi, struktur tadbir urus dan sistem penyampaian untuk memperkasakan sektor koperasi sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.



Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100
E-mel : webmaster@skm.gov.my
Laman Web : www.skm.gov.my